


TAIWAN

Panduan Pelancongan untuk Umat Islam



Taiwan
THE HEART OF ASIA

Indeks

Pendahuluan	01
Maklumat Asas Taiwan	02
Umat Islam di TAIWAN	06
Keunikan Taiwan	07
Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Utara	14
Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Tengah	26
Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Selatan	32
Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Timur	42
Cadangan Jadual Perjalanan	52
Cenderahati/Buah Tangan yang Disyorkan	56
Maklumat Perjalanan	58



Pendahuluan

Taiwan terletak di Asia Timur dan sebelah barat laut Lautan Pasifik. Pulau yang panjang dan sempit ini terdiri daripada pelbagai jenis landskap, ekosistem hutan, pertanian dan marin. Pulau ini bukan sahaja memiliki pemandangan alam semula jadi yang indah tetapi juga rupa wajah kebudayaan berbilang etnik yang mempesonakan.

Bagi menarik lebih ramai pengunjung umat Islam, Taiwan bertungkus-lumus untuk mewujudkan persekitaran mesra Muslim di setiap pejabat pengurusan kawasan pemandangan nasional, Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan, Stesen Utama Taipei, Stesen Kaohsiung dan Stesen Hualien bagi "Taiwan Railways", Stesen "High Speed Rail" (HSR) Taichung dan Kawasan Rehat Cingshuei di Lebuhraya Nasional dengan menyediakan kemudahan membersihkan diri dan surau. Banyak hotel juga menyediakan kemudahan berkenaan untuk memudahkan para pelancong Muslim.

Ia bekerjasama dengan Persatuan Muslim Cina Taiwan dalam perkhidmatan makanan dan minuman untuk terus menggalakkan permohonan sijil halal, Muslim atau Mesra Muslim. Pada awal tahun 2017, terdapat sebanyak 100 restoran halal dan mesra Muslim serta dapur utama di Taiwan telah mendapat persijilan yang membolehkan para pelancong Muslim menjalani percutian dengan selesa tanpa sebarang kerisauan seumpama berada di rumah sendiri.

Pada tahun 2016, Organisasi Antarabangsa MasterCard mengeluarkan kenyataan bahawa "Indeks Pelancongan Muslim Global MasterCard-Crescent Rating 2016 (GMTI)" telah membuat kaji selidik terhadap kawasan pelancongan popular di kalangan umat Islam dan mendapati bahawa Taiwan berada di kedudukan ketujuh di antara negara bukan ahli Pertubuhan Persidangan Islam (non-OIC) dan kedudukan pertama sebagai destinasi pelancongan yang paling selamat. Keputusan ini menunjukkan bahawa Taiwan telah menjadi destinasi baru yang menjadi tumpuan pelancong Muslim di seluruh dunia.

Taiwan yang dikelilingi lautan diduduki oleh penduduk yang peramah dan mempunyai panorama landskap semulajadi yang indah. Ia memiliki kepelbagaian budaya dan bertungkus-lumus dalam membentuk persekitaran mesra pelancong. Kami berharap risalah ini boleh memainkan peranan dalam mempromosikan tempat-tempat menarik dan pengalaman pelancongan menakjubkan yang dapat dirasakan di seluruh pelusuk Taiwan di samping memperkenalkan budaya makanan dan cenderamata yang unik di Taiwan untuk memastikan semua pelancong Muslim berasa bahawa pengunjungan mereka ke Taiwan adalah berbaloi. Taiwan mengalu-alukan kedatangan anda!

Peta Taiwan




Maklumat Asas Taiwan

Profil

Bahasa rasmi : Bahasa Cina (Mandarin)
Keluasan: Kira-kira 36,000 kilometer persegi
Populasi: Kira-kira 23.54 juta orang

Iklim

Taiwan yang terletak di kawasan subtropika mempunyai musim dan iklim yang berbeza di bahagian utara dan selatannya. Purata suhu tahunan adalah 22°C di mana suhu musim sejuk adalah sekitar 12 - 17°C dan suhu musim panas mencecah 30°C. Di samping itu, bahagian selatan Taiwan berada lebih dekat dengan zon iklim tropika. Ia mempunyai suhu yang lebih tinggi dan perubahan suhu pada musim sejuk dan musim panas juga adalah kurang ketara berbanding dengan bahagian utara Taiwan.



Voltan

Di Taiwan, voltan yang dibekalkan ialah 110V dan frekuensi yang digunakan ialah 60Hz. Biasanya, soket 2 pin digunakan. Jika peralatan elektrik dibawa masuk dari luar negara ke Taiwan, pelancong perlu memastikan terlebih dahulu sama ada voltan dan frekuensi adalah bersesuaian ataupun plag penyesuai pelbagai fungsi diperlukan.

Mata Wang

Mata wang Taiwan ialah Dolar Baru Taiwan (NT\$). Wang kertas denominasi utama yang berada dalam peredaran ialah 2000, 1000, 500, 200 dan 100 Yuan. Duit syiling pula dikeluarkan dalam denominasi 50, 10, 5 dan 1 Yuan.

Pelancong boleh menggunakan kad kredit antarabangsa di kompleks membeli-belah, kedai serbaneka dan restoran. Perkhidmatan pertukaran mata wang asing juga ditawarkan di lapangan terbang, hotel, tarikan pelancong utama dan bank yang tertentu.

Maklumat Pengangkutan



Taiwan Railways

Laluan-laluan tren yang dikendalikan oleh "Taiwan Railways" meliputi seluruh Taiwan dan banyak laluan ini memintasi kawasan-kawasan bandar dan pedalaman. "Taiwan Railways" mempunyai banyak stesen di sepanjang laluan yang memudahkan penumpang mengambil pengangkutan lain untuk meneruskan perjalanan mereka. Tambang tren adalah berbeza berdasarkan kelajuan tren. Tren yang sedia ada termasuklah Ekspres Terhad Tze-Chiang, Ekspres Chu-Kuang, Separuh Ekspres Fu-Hsing, Tren Tempatan dan Tren Biasa. Pelancong boleh memilih mod pengangkutan mengikut objektif, masa dan kos perjalanan. Tempahan tiket boleh dibuat melalui telefon atau internet.

Taiwan Railways Administration

☎ Customer service hotline: 0800-765-888

🌐 Online ticket purchase: <http://railway.hinet.net>



Taiwan High Speed Rail (HSR)

"Taiwan High Speed Rail" merupakan salah satu mod pengangkutan utama di bahagian barat Taiwan. Ia mempunyai sejumlah 12 stesen di sepanjang laluan, iaitu Nangang, Taipei, Banqiao, Taoyuan, Hsinchu, Miaoli, Taichung, Changhua, Yunlin, Chiayi, Tainan dan Zuoying. Antaranya termasuklah stesen di Taoyuan, Hsinchu, Miaoli, Taichung, Changhua, Yunlin, Chiayi dan Tainan yang dilengkapi dengan perkhidmatan bas ekspres yang memudahkan perjalanan orang ramai.

Taiwan High Speed Rail

☎ Customer service hotline: 886-2-4066-3000

🌐 www.thsrc.com.tw



MRT Taipei

MRT Taipei kini mempunyai sejumlah lima laluan, iaitu laluan Wenzhu, Tamsui-Xinyi, Songshan-Xindian, Zhonghe-Xinlu dan Bannan. Mesin tiket layan diri dan perkhidmatan jualan tiket telah disediakan di stesen-stesen MRT (setiap stesen dilengkapi dengan mesin pertukaran wang). Harga tiket perjalanan satu hala yang ditetapkan berdasarkan jarak di antara setiap stesen adalah sekitar NT\$20 - NT\$65.

MRT Kaohsiung kini mempunyai tiga laluan yang sedang beroperasi, iaitu laluan merah, laluan jingga dan "Light Rail" dengan harga tiket sekitar NT\$20 - NT\$60.

Tiket 1-Hari dijual dengan harga NT\$150 di kaunter perkhidmatan MRT Kaohsiung dan Taipei dan ia hanya boleh digunakan oleh seorang individu tanpa had sepanjang hari dari pukul 6 pagi hingga 12 tengah malam.

Taipei Metro

☎ Customer service hotline:

886-2-218-12345

🌐 www.metro.taipei



MRT Kaohsiung

Kaohsiung Metro

☎ Customer service hotline:

886-7-793-8888

🌐 www.krtco.com.tw



Metro Taoyuan (Metro Lapangan Terbang)

Metro Taoyuan menawarkan perkhidmatan laluan tren yang menghubungkan pusat bandar Taipei dan Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan. Perkhidmatan tren terbahagi kepada dua jenis, iaitu ekspres dan biasa yang berlepas dengan kekerapan setiap 15 minit. Perjalanan tren dari Stesen Keretapi Taipei ke Lapangan Terbang Taoyuan mengambil masa kira-kira 35 minit manakala tren biasa mengambil masa selama 50 minit. Tambang perjalanan satu hala telah ditetapkan pada 160 Yuan. Perkhidmatan "check-in" sendiri untuk menaiki kapal terbang telah disediakan di tingkat bawah B1 Stesen Metro A1 (Stesen Taipei) dan stesen ini merupakan stesen kelima di dunia yang dilengkapi dengan kemudahan "check-in" ini. Kemudahan tersebut kini hanya boleh digunakan oleh penumpang yang menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan "China Airlines", "EVA Airways", "Mandarin Airlines" dan "UNI Airways".

Maklumat Asas Metro Lapangan Terbang

 www.tymetro.com.tw

Waktu operasi: 6:00 pagi – 11:00 malam **Tambang maksimum:** 160 Yuan

Jenis tren: Tren biasa (biru) dan tren ekspres (ungu)

Kekerapan tren: Setiap 7.5 minit (tren biasa dan tren ekspres berlepas dengan kekerapan setiap 15 minit)



Senang Je Jalan-jalan di Taiwan

"Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" merupakan suatu perkhidmatan bas awam yang direka khas selaras dengan perancangan perjalanan untuk membawa para pelancong dari stesen-stesen "Taiwan Railways" dan HSR yang berdekatan ke pelbagai tempat tarikan pelancong yang utama di Taiwan. Bagi pelancong yang tidak ingin memandu jarak jauh atau melancong secara berkumpulan dengan pakej agensi pelancongan, penggunaan "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" merupakan cara yang paling sesuai untuk merancang perjalanan sendiri dan melancong dalam keadaan selesa.

 Customer service hotline: 0800-011-765  www.taiwantrip.com.tw



Bas Persiaran Taiwan

"Bas Persiaran Taiwan" merupakan bas persiaran yang beroperasi mengikut jadual perjalanan tetap untuk memudahkan para pelancong yang mahu bertolak dari hotel, lapangan terbang dan stesen tren ke tempat pelancongan yang terkenal. Kini terdapat 80 jenis pelan pelancongan di mana pelancong perlu membuat tempahan penggunaan terlebih dahulu. Bas persiaran berlepas setiap hari dan laluan perjalanannya meliputi semua laluan pelancongan yang popular. Setiap perbelanjaan perjalanan merangkumi kos pengangkutan, perkhidmatan lawatan berpandu dan insurans.

 www.taiwantourbus.com.tw

 24-hour Mandarin, English, Japanese, and Korean free travel advisory services and toll-free travel hotline (Call Center): 0800-011-765



Teksi

Teksi di Taiwan berwarna kuning dan sangat mudah dikenali. Kadar tambang teksi adalah berbeza mengikut daerah dan bandar. Tambang teksi di bandar-bandar utama biasanya dikira berdasarkan sistem bermeter. Contohnya, di Bandar Taipei dan Bandar Baru Taipei, kadar tambang permulaan dalam 1.25 kilometer ialah 70 Yuan dengan peningkatan sebanyak 5 Yuan bagi setiap 200 meter seterusnya dan peningkatan sebanyak 20 Yuan pada waktu malam (11:00PM ~ 06:00AM). Pelancong dinasihatkan supaya berunding dahulu dengan pemandu sebelum menaiki teksi memandangkan tambang teksi di beberapa bandar di Taiwan adalah ditetapkan oleh pemandu teksi.

Umat Islam di Taiwan



Photo/ Vintagejhan

Penganutan agama Islam di Taiwan bermula sejak abad ke-17 tetapi pembangunan secara besar-besaran berlaku pada tahun 1949 terutamanya selepas penghijrahan penduduk China ke Taiwan. Kini terdapat antara 20 ribu hingga 40 ribu orang umat Islam yang berkewarganegaraan Taiwan dan sekurang-kurangnya 200,000 orang umat Islam yang berkewarganegaraan asing yang majoritinya berasal dari Asia Tenggara di Taiwan. Persatuan Muslim Cina Taiwan merupakan pertubuhan masyarakat Islam yang paling penting di Taiwan. Selain daripada menyebarkan ajaran Islam, ia juga mewakili umat Islam Taiwan dalam menjalankan hubungan diplomatik dengan umat Islam dari seluruh dunia.

Terdapat 7 buah masjid yang tersebar dari bahagian utara ke selatan Taiwan di mana semuanya terletak di kawasan metropolitan. Di antaranya adalah Masjid Agung Taipei yang merupakan masjid yang tertua. Ia telah siap dibina pada tahun 1960 dan terus menjadi tempat sembahyang bagi umat Islam Taiwan yang terkenal dan penting.

Masjid-masjid di Taiwan

Masjid Agung Taipei

No. 62, Sec. 2, Xinsheng S. Rd.,
Da'an Dist., Taipei City
(02)2321-9445

Masjid Kebudayaan Taipei

No. 3, Ln. 25, Sec. 1, Xinhai Rd.,
Zhongzheng Dist., Taipei City
(02)2367-5421

Masjid Longgang

No. 216, Longdong Rd., Zhongli
Dist., Taoyuan City
(03)456-1234

Masjid At-Taqwa

No. 8-2, Zili 1st Street, Dayuan
Dist., Taoyuan City
(03)384-0539

Masjid Taichung

No. 457, Dadun S. Rd., Nantun
Dist., Taichung City
(04)2473-2519

Masjid Tainan

No. 12, Aly. 34, Ln. 77, Sec. 3,
Zhonghua E. Rd, East Dist., Tainan
City
(06)288-1686

Masjid Kaohsiung

No. 11, Jianjun Rd., Lingya Dist.,
Kaohsiung City
(07)749-6812

Persatuan Muslim Cina Taiwan

www.cmainroc.org.tw

Keunikan Taiwan

Keindahan Alam Semula Jadi



Oleh sebab Taiwan yang terletak di kawasan subtropika mempunyai iklim yang agak panas dan kepelbagaian bentuk muka bumi yang merangkumi dataran dan gunung, kawasan-kawasan yang berbeza sering ditumbuhi pelbagai jenis bunga yang cantik-cantik belaka. Pameran bunga dan pesta musim bunga juga diadakan di merata tempat di Taiwan sempena musim bunga-bunga berkembang mekar.

Januari	1	Pesta Bunga Sakura Wulai (Kawasan Pemandangan Eksklusif Wulai, Bandar Baru Taipei)
Februari	2	Pesta Bunga Formosa (Kampung Budaya Penduduk Asli Formosa, Nantou)
Mac	3	Pesta Bunga Sakura Ladang Wuling (Ladang Wuling, Taichung)
April	4	Musim Bunga Yangmingshan (Taman Nasional Yangmingshan, Taipei)
Mei	5	Pameran Bergerak Bunga Mawar Kediaman Rasmi Shilin (Kediaman Rasmi Shilin, Taipei)
Jun	6	Pesta Callalily Tasik Zhuizi (Taman Nasional Yangmingshan, Taipei)
Julai	7	Pesta Bunga Sakura Alishan (Taman Nasional Alishan, Chiayi)
Ogos	8	Pesta Bunga Tung Hakka (Daerah dan bandar di sekitar tengah utara Taiwan)
September	9	Musim Bunga Daylily Hualien (Gunung Chike dan Gunung Liushidan, Hualien)
Oktober	10	Musim Bunga Daylily Taimali di Taitung (Taimali, Taitung)
November	11	Pameran Bunga Kekwa Kediaman Rasmi Shilin (Kediaman Rasmi Shilin, Taipei)
Disember	12	

Taichung Ekspo Flora Dunia 2018

Ekspo ini akan berlangsung selama 173 hari dari 3 November 2018 hingga 24 April 2019 di bandar Taichung. Tema ekspo kali ini adalah pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem, pertanian canggih dan pengurusan alam sekitar. Ekspo ini terdiri daripada tujuh dewan pameran yang tersebar di tiga zon pameran yang berkeluasan 60.88 hektar. Tiga zon pameran tersebut termasuklah Taman Rimba dan Ladang Kuda Houli, Taman Waipu Yongfong dan Taman Fengyuan Huludun.




<http://2018floraexpo.tw>

Keunikan Taiwan

Pengalaman Percutian yang Unik dan Mewah



Industri perhotelan dan tempat penginapan Taiwan berkembang pesat, khususnya hotel mewah sudah mencapai tahap peringkat antarabangsa. Peralatan dan perkhidmatan yang disediakan sama ada oleh hotel spa, resort ataupun hotel butik di kawasan bandar telah dipuji dan disanjung tinggi. Banyak hotel di Taiwan juga pernah memenangi Anugerah Hotel Mewah Dunia. Contohnya, Resort Pantai Howard Kenting, Hotel Grand Mayfull Taipei, Hotel Royal Chiao Hsi, Hotel Fleur de Chine dan Hotel Mandarin Oriental yang telah dinominasikan sebagai hotel mewah terbaik pada tahun 2016.



Hotel Mandarin Oriental

Ia terletak di pusat bandar Taipei yang cukup sibuk dan mempunyai beberapa restoran mewah dan pusat spa yang terbesar di Taiwan.

Hotel Royal Chiao Hsi

Ia adalah sebuah hotel moden bergaya hotel spa Jepun di desa kolam air panas Chiao Hsi di bahagian timur Taiwan.

Hotel Fleur de Chine

Ia terletak di bahagian tengah Taiwan dan terkenal dengan pemandangan tasik yang dikelilingi gunung-ganang. Hotel Fleur De Chine merupakan resort mewah pertama yang dilengkapi dengan kemudahan kolam air panas semulajadi di kawasan tersebut.

Resort Pantai Howard

Ia berlokasi di Kenting, suatu destinasi pelancongan yang popular di bahagian selatan Taiwan. Resort ini terletak berhadapan dengan pemandangan laut dan gunung-ganang. Rupa bentuk luaran bangunan ini adalah berlandaskan gaya seni bina Mediterranean.

Hotel Grand Mayfull Taipei

Ia merupakan sebuah hotel butik di Dazhi, Taipei yang dihiasi dengan karya seni moden untuk dihayati di setiap penjuruanya.

Maklumat hotel dan hotel-hotel lain boleh didapati di laman web penginapan Taiwan ►



Keunikan Taiwan

Pelancongan Perubatan Kosmetik dan Pemeriksaan Kesihatan



Tahap kualiti perubatan Taiwan adalah terkenal di dunia. Pembangunan industri perubatan kosmetik dan pemeriksaan kesihatan juga bertambah matang di Taiwan dengan teknologi canggih dan peralatan unggul serta harga yang amat berpatutan. Keghairahan dan kemesraan penduduk Taiwan dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang merupakan faktor penyumbang yang penting kepada daya saing tinggi perubatan kosmetik dan pemeriksaan kesihatan di peringkat antarabangsa.

Perkhidmatan perubatan kosmetik dan pemeriksaan kesihatan di Taiwan telah bergabung dengan pelancongan secara beransur-ansur. Banyak pengusaha pelancongan, hospital dan klinik berganding bahu untuk melancarkan pelbagai produk pelancongan yang berkaitan. Pengusaha hotel juga bekerjasama dengan unit perubatan untuk menggabungkan perkhidmatan hotel mewah dan hospital agar para pengunjung dapat menikmati pengalaman penginapan di hotel yang bertaraf lima bintang sambil menikmati pelbagai perkhidmatan mengikut keperluan mereka.

● Rangkaian perubatan antarabangsa Taiwan
 ● www.medicaltravel.org.tw

Pengalaman Spa yang Mewah



Industri spa di Taiwan sama ada saiz perniagaan ataupun kualiti perkhidmatan telah mencapai piawaian antarabangsa. Selain daripada pusat spa di kawasan metropolitan, kebanyakan pusat spa yang berlokasi di tempat-tempat pelancongan telah menggunakan kolam air panas atau air sejuk tempatan. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, jenama spa estetik telah ditempatkan di hotel, resort dan lain-lain. Ramai wanita mengambil kesempatan untuk bercuti dan menginap di hotel untuk menikmati perkhidmatan spa yang mewah ini. Kini terdapat ramai pengusaha mula menguruskan pasaran spa lelaki dan menawarkan perkhidmatan yang lebih komprehensif.

Di samping itu, terdapat pengusaha perniagaan yang menggabungkan perkhidmatan spa dengan hidangan yang sihat dan berkhasiat, aromaterapi, yoga, meditasi dan sebagainya agar perkhidmatan spa bertambah menarik dan memberikan pengalaman percutian yang tidak dapat dilupakan.

Keunikan Taiwan

Taman Rekreasi



Taiwan kini mempunyai 24 taman rekreasi, iaitu sembilan taman di bahagian utara (Bandar Baru Taipei, bandar Taoyuan, bandar Hsinchu dan bandar Miaoli), enam taman di bahagian tengah (bandar Taichung, daerah Nantou dan daerah Yunlin), enam taman di bahagian selatan (bandar Tainan, bandar Kaohsiung, daerah Pingtung) dan tiga taman di bahagian timur (daerah Yilan dan daerah Hualien).

Terdapat beraneka jenis taman rekreasi di Taiwan yang bukan sahaja menyediakan kemudahan rekreasi yang menarik tetapi tema setiap taman rekreasi juga adalah berlainan. Sebagai contohnya, Taman Rekreasi "Window on China" yang menggunakan model mini untuk mempamerkan mercu tanda yang terkenal di dunia, "West Lake Resortopia" yang dibina berdasarkan konsep cerita dongeng kanak-kanak, Taman Tema Kampung Lefoo dan Taman Safari Dunia Wanpi di mana pengunjung boleh mendekati binatang liar, Taman Rekreasi Lihpao yang berfokuskan kemudahan hiburan air, "Janfusun Fancyworld" yang dilengkapi dengan beraneka jenis kemudahan rekreasi, Kampung Budaya Penduduk Asli Formosa yang memperkenalkan budaya penduduk asli di Taiwan, Resort Jianshanpi Jiangnan yang penuh dengan keindahan alam semula jadi, Resort Percutian Sun-Link-Sea dan lain-lain.

Selain itu, banyak taman rekreasi juga menawarkan kemudahan hotel, restoran dan kompleks membeli-belah untuk memenuhi keperluan rekreasi dan hiburan para pengunjung. Taman-taman rekreasi yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan hiburan di Taiwan ini dapat menawarkan keseronokan percutian untuk seisi keluarga atau pasangan kekasih yang mahu menikmati percutian romantik!

- Untuk maklumat mengenai taman rekreasi di Taiwan, sila merujuk

🌐 <http://themapark.net.tw>



Keunikan Taiwan

Ladang Ternakan Pelancongan untuk Penghayatan Alam Semula Jadi



Lawatan ke ladang ternakan pelancongan merupakan konsep percutian yang sangat popular dan digemari oleh masyarakat moden. Ia bukan sahaja memberi peluang kepada pelancong untuk lebih mendekati alam semula jadi tetapi juga membolehkan mereka menikmati makanan sihat yang dibuat daripada produk hasil pertanian dengan senang hati dan menginap dalam persekitaran alam. Antara aktiviti pengalaman yang ditawarkan oleh pihak ladang termasuklah pemetikan buah-buahan, pemprosesan produk pertanian, bengkel buat sendiri (DIY) dan lain-lain yang sangat sesuai untuk dilakukan bersama-sama oleh seisi keluarga.

Demi meningkatkan kualiti perkhidmatan di ladang-ladang ternakan pelancongan di Taiwan, Persatuan Pembangunan Ladang Ternakan Pelancongan Taiwan (T.L.F.D.A.) mengeluarkan persijilan setiap tahun berikutan dengan penilaian terhadap fasiliti, perkhidmatan, aktiviti dan sebagainya. Pada tahun 2016, terdapat 37 ladang ternakan pelancongan yang dianugerahi sijil tersebut, iaitu 12 ladang di bahagian utara, tujuh ladang di bahagian tengah, lapan ladang di bahagian selatan dan 10 ladang di bahagian timur.

Oleh sebab terdapat semakin ramai Muslim dari Asia Tenggara yang melancong ke Taiwan dalam tahun-tahun kebelakangan ini, banyak ladang ternakan pelancongan telah berusaha untuk memperoleh sijil penyediaan dan pengendalian makanan halal. Pada masa kini, Ladang Ekologikal Chienhu Chuanchi di Bandar Baru Taipei, Pondok Zhuo Ye di daerah Miaoli, Ladang Ternakan Pelancongan "Forest 18" di daerah Nantou, Resort "Tai Yi Red Maple", Ladang Ternakan Pelancongan Long Yun di daerah Chiayi, Ladang Ternakan Pelancongan Shangrila di daerah Yilan dan Ladang Ternakan Pelancongan Toucheng telah dianugerahi sijil berkenaan.



Persatuan Pembangunan
Ladang Ternakan Pelancongan
Taiwan (T.L.F.D.A.)

www.taiwanfarm.org.tw

Keunikan Taiwan

Pulau dengan kepelbagaian budaya makanan



Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, bilangan umat Islam yang berhijrah dari Asia Tenggara ke Taiwan kian meningkat dan terdapat kira-kira 180,000 orang pelancong Muslim mengunjungi Taiwan setiap tahun. Ini terus menggalakkan kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil menjadi lebih giat dalam mempromosikan pensijilan makanan halal, pensijilan restoran halal dan lain-lain. Pada masa kini, terdapat 100 restoran mempunyai sijil pengesahan halal di seluruh Taiwan yang membolehkan rakan-rakan Muslim yang datang ke Taiwan menikmati makanan secara lebih selesa tanpa was-was.

Masakan Turki

Walaupun bilangan restoran Turki di Taiwan tidak banyak tetapi masakan Turki amat digemari oleh golongan muda di Taiwan, terutamanya hidangan daging yang eksotik telah mendapat sambutan yang baik.

Masakan India

Masakan India dengan aroma rempah-ratus yang kuat sungguh menyelerakan. Kini terdapat lebih daripada 10 restoran yang menghadirkan masakan India dengan ciri khas tersendiri telah diiktiraf halal.

Masakan Thai

Masakan Thai telah bertapak lama di Taiwan. Bilangan restoran bukan sahaja banyak tetapi hidangannya juga berintegrasi secara beransur-ansur dengan budaya tempatan, sebagai contohnya "moon shrimp cake" yang dikenali sebagai masakan Thai hasil ciptaan Taiwan.

Mi Daging Lembu

Ia merupakan salah satu daripada masakan terkenal di Taiwan yang biasanya dimasak dengan dua cara, iaitu tumis dan rebus. Taipei mempunyai dua restoran mi daging lembu bersejarah yang telah diiktiraf halal dan sering dikunjungi oleh pelancong Muslim.

Untuk maklumat restoran dan restoran halal yang lain, sila merujuk ▼



Keunikan Taiwan

Masakan Taiwan untuk Muslim

Selain daripada restoran yang mempunyai pensijilan halal, beberapa hidangan sedap Taiwan juga sepatutnya disyorkan kepada rakan-rakan Muslim seperti ais mangga, minuman shake (teh susu mutiara) dan masakan vegetarian.

Ais Mangga

Taiwan dikenali sebagai negara yang termasyhur dengan buah-buahan. Di antaranya yang paling terkenal ialah mangga. Mangga telah digunakan untuk membuat pencuci mulut, iaitu ais mangga yang amat popular sehingga "Cable News Network" (CNN) dan Majalah "TRAVEL + LEISURE" pun memilih ais mangga Taiwan sebagai salah satu pencuci mulut yang paling sedap di dunia.



Minuman shake

Di Taiwan, kami sering melihat orang ramai memegang minuman sambil bersantai atau berjalan-jalan tanpa mengira musim. Terdapat beraneka jenis minuman shake yang dijual di Taiwan dan setiap pengusaha minuman menampilkan identiti dan "selling point" tersendiri yang seterusnya menjadi ciri utama budaya makanan Taiwan. Sebenarnya, teh susu mutiara yang mendapat sambutan hangat di seluruh dunia adalah berasal dari Taiwan.



Masakan Vegetarian

Terdapat lebih daripada 4,000 restoran vegetarian di Taiwan yang dikenali sebagai syurga bagi vegetarian. Orang Taiwan yang kreatif dan inovatif bukan sahaja menghasilkan masakan vegetarian dalam bentuk dan rasa yang hampir serupa dengan masakan daging dan ikan tetapi juga membuat hidangan vegetarian gaya Jepun, Itali, Perancis, Amerika Syarikat dan lain-lain yang tetap lazat dan sihat.



Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Utara



Taiwan utara merangkumi bandar Taipei, Bandar Baru Taipei, bandar Taoyuan, daerah Hsinchu dan daerah Miaoli. Oleh sebab Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan adalah lapangan terbang antarabangsa utama yang terletak di bandar Taoyuan dan berlokasi dekat dengan bandar Taipei yang paling sibuk. Taiwan utara menjadi tempat persinggahan pertama bagi kebanyakan pelancong antarabangsa yang baru menjejaskan kaki mereka di Taiwan. Rangkaian pengangkutan Taiwan utara adalah sangat padat dan memudahkan perjalanan. Oleh sebab itu, banyak tempat pelancongan yang terkenal senang dikunjungi dengan menaiki pengangkutan awam.

..... Bandar Taipei

Taipei 101 (台北 101)

- 📍 No. 7, Sec. 5, Xinyi Rd., Xinyi District, Taipei City
- 🚇 Menaiki MRT Taipei laluan Tamsui-Xinyi dan turun di Stesen Taipei 101/WTO



Taipei 101 terletak di Zon Perniagaan Xinyi yang paling sibuk. Ia mempunyai ketinggian 508 meter dengan 101 tingkat di atas tanah dan lima tingkat di bawah tanah. Ia pernah menjadi pencakar langit yang tertinggi di dunia setelah siap dibina (sekarang kesembilan tertinggi di dunia). Ia merupakan mercu tanda antarabangsa yang menjadi kebanggaan Taiwan dan pertunjukan bunga api sempena sambutan tahun baru di sini menarik ramai pelancong dari seluruh dunia setiap tahun. Tingkat bawah Taipei 101 diduduki pusat membeli-belah, sebahagian tingkat atasnya diduduki restoran yang menawarkan pemandangan bandar dan tingkat lain diduduki pejabat.

Pusat membeli-belah di Taipei 101 terdiri daripada enam tingkat dan menduduki tingkat B1 hingga 5. Tingkat B1 mempunyai pasaraya dan medan selera manakala tingkat 1 hingga 5 mempunyai kedai-kedai yang menjual produk kosmetik, barangan fesyen, produk berjenama antarabangsa, produk elektronik digital dan hasil kraftangan buatan Taiwan yang berkualiti. Anjungan pemandangan terletak di tingkat 89 dan 91. Eskalator yang disediakan di atrium tingkat 4 boleh terus digunakan oleh pengunjung untuk pergi ke kaunter pembelian tiket bagi anjungan pemandangan yang berada di tingkat 5 sebelum menaiki lif yang kedua terpanjang di dunia ke anjungan pemandangan tertutup di tingkat 89 dan anjungan pemandangan terbuka di tingkat 91.

Apabila melihat dari tingkat 89 ke tingkat 88, satu lagi ciri projek Taipei 101 dapat dikesan, iaitu mesin peredam angin pasif yang kedua terbesar di dunia dengan diameter 5.5 meter dan berat 660 tan. Ia bertindak sebagai penyerap kejutan yang mengurangkan pengaruh angin kuat terhadap bangunan tinggi dan kesan gempa bumi. Ia merupakan satu-satunya mesin peredam angin di dunia yang dibenarkan untuk dilihat oleh pengunjung.



..... Bandar Taipei

Muzium Istana Nasional

(國立故宮博物院)

- 📍 No. 221, Sec. 2, Zhishan Rd., Shilin Dist., Taipei City
- 🚇 Menaiki MRT Taipei laluan Tamsui-Xinyi dan turun di Stesen Shilin untuk bertukar menaiki bas merah no. 30



Struktur luaran bangunannya dibina berasaskan gaya seni bina istana China. Ia merupakan tempat koleksi barangan seni antik China yang sangat berprestij di dunia. Ia memiliki lebih daripada 600,000 artifak peninggalan sejarah di mana sebahagian besar daripada koleksi tersebut merupakan koleksi kerabat diraja China sepanjang lima ribu tahun dalam sejarah kewujudan China. “Jed Kubis” dan “Batu Berbentuk Daging” adalah dua artifak ukiran yang paling popular di kalangan pelancong.

Dewan pameran Muzium Istana Nasional Taipei terletak di tingkat 1, 2 dan 3 dalam bangunan utama. Para pelancong boleh menyewa peralatan panduan audio berbilang bahasa sebelum memulakan lawatan. Perkhidmatan pemandu pelancong dalam bahasa Inggeris boleh dinikmati secara percuma pada pukul 10 pagi dan 3 petang setiap hari selepas mendaftar di kaunter.

Kedai-kedai cenderamata yang terletak di tingkat B1 menjual barangan replika dan lain-lain. Antaranya pelbagai cenderamata yang bertemakan “Jed Kubis” dan “Batu Berbentuk Daging” adalah paling laris jualannya. Selain itu, peralatan tulis kreatif seperti pita selotip kertas yang berunsurkan artifak kebudayaan amat digemari oleh golongan muda.

Terdapat dua taman yang wajib dilawati di kawasan Muzium Istana Nasional, iaitu Taman Zhide di bahagian barat dan juga Taman Zhishan di bahagian timur yang berkeluasan kira-kira 5,600 ping dan direka berkonsepkan taman tradisional China untuk menampilkan seni taman oriental yang elegan.



..... Bandar Taipei

Yuanshan

(圓山)

 Menaiki MRT Taipei laluan Tamsui-Xinyi dan turun di Stesen Yuanshan



Yuanshan terletak di tebing selatan Sungai Keelung. Kawasan ini mempunyai padang kehijauan yang sangat luas di mana Taman Ekspo Taipei dan Muzium Seni Halus Taipei telah ditempatkan dan menjadi lokasi yang baik untuk para warga bandar bersiar-siar. Di dalam Taman Ekspo Taipei terdapat suatu plaza "Maji Square" besar yang berkonsepkan muzik, makanan sedap dan seni. Ia dilengkapi dengan pasaran kreatif, lorong snek dan ruang persembahan pentas. Pasar tani juga diadakan di sini pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Hotel Grand adalah suatu mercu tanda di Yuanshan yang ditubuhkan pada tahun 1952. Ia adalah setinggi 14 tingkat dan dibina berasaskan gaya seni bina istana China. Ramai pemimpin politik dan individu yang ternama di seluruh dunia seperti Presiden Amerika Syarikat, Perdana Menteri Singapura, Raja Iran, Raja Jordan, Raja Thailand, Presiden Korea Selatan, Presiden Vietnam, Raja Arab Saudi, Presiden Filipina dan lain-lain pernah menginap di hotel ini.

National Revolutionary Martyrs' Shrine

(忠烈祠)

 No. 139, Bei'an Rd., Zhongshan Dist., Taipei City

 Menaiki MRT Taipei laluan Tamsui-Xinyi dan turun di Stesen Jiantan, kemudian bertukar menaiki bas no. 267 dan 646.



"National Revolutionary Martyrs' Shrine" terletak bersebelahan dengan Hotel Grand. Ia dibina pada tahun 1969. Bangunan yang tersergam megah ini dibina khususnya untuk memperingati pengorbanan tentera. Tentera pengawal pintu yang berdiri di hadapan "National Revolutionary Martyrs' Shrine" telah menjalani latihan yang ketat. Mereka berdiri tegak seperti patung sehingga para pelancong terpegun melihat dan menyuarakan pujian. Upacara pertukaran giliran tugas antara tentera pengawal dilaksanakan setiap jam di mana gerakan tentera pengawal yang kemas mendorong ramai pelancong datang khasnya untuk menonton upacara ini.

..... Bandar Taipei

Dewan Memorial Chiang Kai-Shek (中正紀念堂)

- 📍 No. 21, Zhongshan S. Rd., Zhongzheng Dist., Taipei City
- 🚇 Menaiki MRT Taipei dan turun di Stesen Dewan Memorial Chiang Kai-Shek



Dewan Memorial Chiang Kai-Shek terletak di pusat bandar Taipei. Ia telah dibina untuk memperingati bekas Presiden Chiang Kai-Shek. Bangunan utama setinggi 70 meter, berbumbungkan jubin kaca biru dan dindingnya dibina daripada batu marmar putih. Bangunan utama dilengkapi dengan ruang pameran dan galeri seni yang besar. Ia juga mempunyai teater kebangsaan, dewan konsert negara, taman dengan gaya seni bina Cina dan sebagainya. Keluasan ruang dan keagungan bangunan ini berjaya menarik beribu-ribu pelancong untuk melawat ke dewan ini setiap tahun. Ia bukan sahaja merupakan mercu tanda bandar Taipei, malah salah satu tarikan yang paling popular.

Terdapat patung gangsa Chiang Kai-Shek setinggi hampir 10 meter di dalam bangunan utama. Terdapat juga tentera pengawal beruniform yang melaksanakan upacara pertukaran giliran tugas dari pukul 9 pagi hingga 5 petang setiap hari. Teknik mempermainkan senjata dan pergerakan seragam yang ditunjukkan oleh tentera pengawal terus membuka mata orang ramai.

Dewan Memorial Dr. Sun Yat-sen (國父紀念館)

- 📍 No. 505, Sec. 4, Ren'ai Rd., Xinyi Dist., Taipei City
- 🚇 Menaiki MRT Taipei laluan Bannan dan turun di Stesen Dewan Memorial Dr. Sun Yat-sen



Ia dibina pada tahun 1972 untuk memperingati Bapa Republik China Dr. Sun Yat-sen. Struktur bangunan ini dibina berasaskan gaya seni bina istana China pada zaman Dinasti Tang. Terdapat patung gangsa dengan ketinggian 5.8 meter yang berdiri megah di dalam dewan ini. Upacara penyerahan tugas antara tentera pengawal yang dilaksanakan setiap jam menarik ramai pelancong untuk menonton. Di luar dewan ini terletak Taman Dr. Sun Yat-sen yang berkeluasan 110,000 meter persegi di mana ramai penduduk bandar sering dijumpai sedang menjalani pelbagai aktiviti masa lapang.

..... Bandar Taipei

Ximending

(西門町)

➔ Menaiki MRT Taipei dan turun di Stesen Ximen



Ximending merupakan suatu kawasan yang berlokasi di antara Jalan Zhonghua di timur, Jalan Kangding di barat, Jalan Chengdu di selatan dan Jalan Hankou di utara. Kawasan ini telah diklasifikasikan sebagai kawasan perniagaan kasual sejak tahun 1890-an dan terus menjadi tempat yang paling sibuk di Taipei Barat sampai sekarang. Zon membeli-belah ini mengasimilasikan pelbagai unsur sub-budaya seperti fesyen pakaian golongan muda yang terkini, makanan dan minuman, seni dan hiburan. Pelbagai lukisan grafiti, hiburan segar dan topik popular sering dapat diperhatikan di setiap penjuru zon ini.

Oleh sebab ia mempunyai suasana persekitaran yang riuh-rendah dan menjadi tempat perhimpunan anak-anak muda, banyak majlis pelancaran bagi tayangan filem, penyanyi, barang 3C dan fesyen pakaian diadakan di sini yang menyebabkan bukan sahaja anak-anak muda Taiwan suka melepak di sini, malah semakin ramai pelancong asing yang muda berniat untuk mengunjungi Ximending dalam beberapa tahun kebelakangan ini.



Red House (紅樓)

➔ No. 10, Chengdu Rd., Wanhua Dist., Taipei City



"Red House" terletak di luar Stesen MRT Ximen. Ia merupakan suatu bangunan yang dibina setinggi dua tingkat daripada batu-bata merah pada tahun 1908. Pada awalnya, ia berfungsi sebagai pasar awam. "Red House" yang berbentuk oktagon dan bangunan yang berbentuk salib di belakangnya menampilkan gaya seni bina yang tersendiri. Ia adalah bangunan pasar tertua yang masih ada di Taiwan. Hari ini, ia digunakan sebagai ruang persembahan seni. Bangunan berbentuk salib kini dirancang untuk dibangunkan sebagai "Studio 16" di mana banyak jenama seni rekacipta ditempatkan di sini. Pada setiap hujung minggu, pasar kreatif diadakan di dataran bagi "Red House" di mana ramai perekacipta muda menjual hasil ciptaan mereka.

----- Bandar Taipei -----

Taman Nasional Yangmingshan (陽明山國家公園)



➤ Menaiki bas laluan Yangmingshan di Stesen MRT Jiantan, kemudian bertukar menaiki bas no. 108 di Terminal Bas Utama Yangmingshan



Photo/ Taipei City Government


Yangmingshan merujuk kepada kawasan pergunungan Datun, Qixing dan Shamao di bahagian utara Taiwan. Di sini anda boleh menikmati pemandangan bunga dalam keempat-empat musim di sepanjang tahun. Musim bunga sakura bermula pada bulan Januari, diikuti dengan pemekaran bunga azalea, bunga callalily dan bunga hydrangea sehingga akhir musim luruh. Taman Yangming merupakan lokasi utama untuk penikmatan bunga memandangkan ia ditumbuhi bunga sakura, bunga plum, bunga azalea, bunga kamelia, bunga pic, bunga persik dan lain-lain. Pesta musim bunga Yangmingshan yang diadakan setiap tahun merupakan pesta penikmatan bunga yang termashyur di seluruh Taiwan.

Selain daripada penikmatan bunga, Yangmingshan juga mempunyai banyak tarikan yang patut dikunjungi seperti Xiaoyoukeng di Xibei, Gunung Qixing. Di sini terdapat landskap semulajadi yang unik seperti fumarol gunung berapi, kolam air panas dan pengkristalan sulfur. Di samping itu, lembu kerap dilihat meragut rumput di Qingtiangang dengan padang rumput luas yang terletak di Gunung Qixing. Ia merupakan lokasi yang sesuai untuk seisi keluarga melakukan kembara berjalan kaki.

Kediaman Rasmi Shilin (士林官邸)



➤ No. 60, Fulin Rd., Shilin Dist., Taipei City
➤ Menaiki MRT Taipei laluan Tamsui-Xinyi dan turun di Stesen Shilin



Pada awalnya, ia dikenali sebagai makmal hortikultur sebelum dijadikan kediaman rasmi bekas Presiden Chiang Kai-Shek. Ia hanya terbuka sebagai taman untuk kunjungan orang ramai sejak tahun 1996. Taman ini merangkumi bangunan kediaman utama, dewan hortikultur, taman berunsurkan Cina dan Barat serta taman bunga mawar yang ditanam dengan beratus-ratus bunga mawar daripada puluhan spesies. Pameran bunga pada musim bunga yang berlangsung dari bulan Februari hingga Mei setiap tahun menarik sebilangan besar pelancong. Selain itu, pameran bunga kekwa, orkid dan lain-lain yang dianjurkan di sini pun merupakan acara yang besar-besaran. Bilik utama kediaman yang pernah dijadikan ruang tamu bagi keluarga Presiden merupakan struktur utama dalam taman tersebut dan kini dibuka untuk kunjungan pelancong.

..... Bandar Taipei

Beitou
(北投)


 Menaiki MRT Taipei laluan Tamsui-Xinyi dan turun di Stesen Beitou Baru



Beitou adalah desa kolam air panas yang terletak paling dekat dengan bandar Taipei. Bau sulfur dalam udara dapat dihidu sebaik sahaja seseorang melangkah keluar dari Stesen MRT Beitou Baru. Beitou terletak di persimpangan Gunung Berapi Datun dan Lembangan Taipei. Walaupun gunung berapi tidak lagi aktif tetapi kawasan sekitarnya masih kaya dengan sumber air panas.

Aktiviti berendam di dalam kolam air panas amat popular di Beitou. Pemandian dalam kolam air panas telah menjadi aktiviti rekreasi yang berimejkan penjagaan kesihatan dan kecantikan serta gaya hidup yang sihat dan mapan. Berbagai-bagai jenis resort spa dan restoran, sama ada resort spa yang elegan ataupun kolam mandi yang boleh digunakan pada harga yang berpatutan dapat kelihatan apabila seseorang berjalan di sepanjang lereng bukit dari stesen MRT.

Taman Beitou yang terletak di antara Jalan Guangming dan Jalan Zhongshan merupakan tempat tarikan pelancong yang popular. Muzium Kolam Air Panas Beitou di dalam taman tersebut adalah tempat pemandian air panas pada zaman dahulu. Ia dikenali sebagai tempat pemandian air panas terbesar di Asia Timur apabila siap dibina pada tahun 1913. Perpustakaan Beitou yang merupakan perpustakaan yang paling indah di Taiwan juga ditempatkan di sini. Bangunan berbentuk kapal yang dibina berkonsepkan arkitektur ekologi ini wujud secara harmoni dengan alam sekitarnya. Di penghujung jalan terdapat suatu lembah geoterma yang dikenali sebagai salah satu sumber air panas di Beitou. Oleh sebab suhu air panas adalah sekitar 90 °C - 100 °C , penghasilan wasap sulfur yang berterusan menghasilkan pemandangan yang teristimewa.



● Muzium Kolam Air Panas Beitou
(北投溫泉博物館)

○ No. 2, Zhongshan Rd., Beitou
Dist., Taipei City

.... Bandar Baru Taipei

Wulai (烏來)

- Menaiki MRT Taipei laluan Songshan-Xindian dan turun di Stesen Xindian, kemudian bertukar menaiki bas no. 849



Ia merupakan desa kolam air panas yang termashyur di Taiwan utara dan terkenal dengan kekayaan adat dan budaya kaum Atayal. Ia adalah unik kerana dilengkapi dengan bas troli persiaran dan kereta kabel yang tidak boleh didapati di desa kolam air panas yang lain. Air terjun dan bunga sakura menghasilkan pemandangan yang mempesonakan apabila bunga sakura berkembang mekar pada musim bunga.

Apabila tiba di Wulai, para pelancong dicadangkan untuk bersiar-siar di sepanjang Jalan Wulai yang bersejarah, mengunjungi Muzium Atayal Wulai atau menikmati pertunjukan lagu dan tarian di samping menghayati pengalaman tenunan tradisional di Desa Budaya Qiuzhang. Bas troli persiaran yang popular merupakan ciri khas tersendiri di Wulai. Pada suatu ketika dahulu, bas troli persiaran digunakan untuk mengangkut pokok-pokok tetapi kini ia digunakan sebagai mod pengangkutan yang amat popular di kalangan pelancong untuk menerokai gunung.

Air terjun Wulai adalah perwakilan keindahan panorama tempatan dengan ketinggian 80 meter dan kelebaran 10 meter. Apabila kuantiti air hujan adalah mencukupi, air terjun mengalir dengan deras dari atas gunung menuju ke kaki gunung dalam dua arus, wap air terus memenuhi seluruh lembah dan menghasilkan pemandangan yang menakjubkan. Selain daripada anjungan, para pelancong yang mahu menikmati pemandangan lembah juga boleh memilih untuk mengambil kereta kabel yang menghubungkan Jalan Wulai yang bersejarah dan Resort Yun Hsien di seberang lembah. Pelancong boleh menikmati keindahan panorama landskap lembah gunung dari suatu titik tinggi memandangkan jarak antara kedua-dua puncak adalah 165 meter.

- Muzium Nasional Atayal
(泰雅民族博物館)



- No. 12, Wulai St., Wulai Dist., New Taipei City

Bandar Baru Taipei

Pantai Utara/ Beihaian (北海岸)

- Menaiki MRT Taipei laluan Tamsui-Xinyi dan turun di Stesen Tamsui, kemudian bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Huangguan-Beihaian



Beihaian terletak di bahagian barat pantai utara Taiwan dan meliputi kawasan Tamsui dan Keelung. Hakisan akibat tiupan angin laut sepanjang tahun membentuk landskap yang berbeza-beza. Lebuhraya Binhai, Laomei Shicao, Gua Shimen, Yehliu, Pulau Heping dan sebagainya yang berada di sepanjang kawasan pantai merupakan tarikan geologi yang menarik ramai pelancong. Di sepanjang jalan tersebut juga terdapat banyak kafe bergerak dan restoran landskap.

Taman Geologi Yehliu adalah tarikan geologi yang paling terkenal di pantai utara Taiwan. Yehliu merupakan tanjung laut yang dibentuk oleh Gunung Datun. Oleh sebab hakisan ombak, luluhawa dan pergerakan kerak bumi, terbentuknya landskap geologi yang istimewa seperti gua laut, batu sarang lebah, batuan berbentuk lilin, batu tofu, batuan berbentuk cendawan, lubang gergasi dan lain-lain. Antaranya batuan yang dikenali sebagai Kepala Permaisuri turut menambah daya tarikan pantai utara Taiwan.

Selain daripada landskap alam semula jadi, Muzium Juming sebagai suatu taman seni yang menggabungkan unsur kemanusiaan dan alam semula jadi juga wajib dilawati. Muzium Juming mempunyai keluasan sebanyak 11 hektar dan dibahagikan kepada dewan pameran dalaman dan kawasan pameran luaran yang menghimpunkan pelbagai hasil ukiran Juming, seorang peukir ternama di Taiwan. Kawasan luaran muzium memperagakan hasil-hasil patung besar termasuklah siri "Taichi" yang terkenal di peringkat antarabangsa.



- Taman Geologi Yehliu (野柳地質公園)
- Muzium Juming (朱銘美術館)
- 📍 No. 167-1, Gangdong Rd., Yeliu Borough, Wanli Dist., New Taipei City
- 📍 No. 2, Xishihu, Jinshan Dist., New Taipei City

Bandar Baru Taipei

Sudut Timur Laut / Dongbeijiao (東北角)

Menaiki tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Ruifang, kemudian bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Fulong Emas



Sudut Timur Laut yang berada di pantai utara Taiwan adalah terkenal dengan landskap geologi persisiran pantai dan pantai keemasan. Kekayaan pelbagai spesies hidupan marin dan aktiviti sukan air menjadikannya tarikan pelancong yang popular. Ia menjadi tempat penganjuran bagi pesta lautan yang menjadi tumpuan orang ramai di utara Taiwan, terutamanya pesta kesenian ukiran pasir yang diadakan pada bulan Mei dan pesta muzik yang diadakan pada bulan Julai.

Dongbeijiao dengan bentuk muka bumi yang berceranggah terkenal dengan landskap geologi alam semula jadinya. Jika anda ingin menikmati pemandangan bentuk muka bumi hasil tindakan luluhawa yang menarik, anda mesti melawat ke kawasan Nanya di mana corak yang indah dapat dikesan di atas batubatuan hasil tindakan luluhawa. Selain itu, kepelbagaian bentuk muka bumi menyebabkan tempat ini sesuai untuk orang ramai menjalankan kegiatan mendaki gunung. Contohnya, "Longdong Rock Field" yang terletak di laluan jejak Teluk Longdong. Di sini pendaki bukan sahaja dapat menikmati keseronokan mendaki gunung tetapi juga keindahan gunung dan laut yang menawan.

Kebanyakan aktiviti sukan air yang disediakan di Dongbeijiao tertumpu di Pantai Fulong dan Taman Teluk Longdong. Di Pantai Fulong, pelancong boleh menikmati keseronokan aktiviti meluncur ombak, pelayaran, berkayak dan meluncur angin. Di Taman Teluk Longdong terdapat kawasan perkarangan dan air yang sangat jernih di mana seseorang dapat melihat banyak ikan dan hidupan laut apabila menyelam ke dalam air. Ia adalah lokasi yang strategik untuk mempelajari teknik menyelam dan "snorkeling".



Bandar Baru Taipei

Shuijinjiu
(水金九)

Shuijinjiu merujuk kepada tiga pekan pergunungan kecil yang indah, iaitu Shuindong, Jinguashi dan Jiufen di daerah Ruifang, Bandar Baru Taipei. Ketiga-tiga pekan tersebut sangat kaya dengan emas dan tembaga. Pekan-pekan tersebut berkembang pesat dan pernah diiktiraf sebagai lombong logam yang terbesar di Asia. Walaupun kawasan ini kurang maju selepas penurunan hasil lombong, tetapi ia meninggalkan tempat yang penuh nostalgik dengan nilai kebudayaan yang unik dan menjadi salah satu tarikan yang utama di bahagian utara Taiwan.

Jiufen (九份)



Jiufen merupakan suatu tempat menarik yang pasti dikunjungi oleh para pelancong asing yang datang ke Taiwan. Ia terkenal dengan bangunan-bangunan yang dibina di atas gunung dan jalan bersejarah Jiufen yang berkelok-kelok. Laluan tangga batu sempit yang dihiasi tanglung merah di kedua-dua belahnya merupakan pemandangan persekitaran yang paling representatif dan kedai-kedai teh tradisional di tepi laluan menjadi tempat yang terbaik untuk meminum teh Taiwan.

Jinguashi (金瓜石)



Jinguashi merupakan bekas tempat perlombongan emas. Muzium Emas di sini menjelaskan sejarah tempatan secara terperinci di mana kawasan luarannya dikekalkan dengan terowong lombong lama dan bangunan bersejarah yang dibina daripada kayu.

- Muzium Emas (黄金博物馆)
- 📍 No. 8, Jinguang Rd., Jinguashi, Ruifang Dist., New Taipei City


Shuindong (水湳洞)



Tinggalan Arkeologi 13 Tingkat merupakan mercu tanda Shuindong. Ia adalah suatu bangunan terbenakalai yang telah menyaksikan kebangkitan dan kejatuhan industri perlombongan tempatan. Air Terjun Emas yang berhampiran dinamakan sedemikian disebabkan oleh aliran air jernih di atas batu emas yang menghasilkan pemandangan yang cukup indah.

Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Tengah

Sekitar Stesen Keretapi Taichung
Caowudao/Calligraphy Greenway
Zon Pembangunan Semula Taichung yang Ketujuh



Bahagian tengah Taiwan meliputi bandar Taichung, daerah Changhua, daerah Nantou dan daerah Yunlin yang merupakan kawasan permulaan daratan di barat Taiwan. Kedua-dua bandar Taichung dan daerah Nantou adalah tempat tarikan pelancong utama. Bandar Taichung adalah bandar terbesar di bahagian tengah Taiwan yang riuh-rendah dan sibuk manakala Nantou kaya dengan panorama landskap alam semula jadi yang indah.



..... Daerah Nantou

Danau Matahari Bulan (日月潭)

r Menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Danau Matahari Bulan di Stesen Taichung bagi "Taiwan Railways" atau Stesen HSR Taichung



Danau Matahari Bulan adalah tasik semulajadi yang terbesar di Taiwan. Ia bukan sahaja mempunyai pemandangan yang menawan tetapi juga banyak tarikan di sekitarnya yang menyebabkan banyak hotel resort dan tempat penginapan tertumpu di sini. Para pelancong dicadangkan untuk menginap sehari semalam untuk menikmati pemandangan tasik yang indah pada waktu senja dan semasa matahari terbenam.

Pelancong boleh sama ada bersiar-siar di sekitar Danau Matahari Bulan yang mempesonakan ataupun menaiki bot menyusuri tasik. Aktiviti menunggang basikal untuk mengelilingi tasik paling disyorkan kerana Danau Matahari Bulan telah dipilih oleh CNN dan laman web kehidupan dan pelancongan CNNGO pada tahun 2012 sebagai salah satu daripada sepuluh lorong basikal yang paling cantik di dunia.

Selain itu, pelancong berpeluang untuk menikmati keindahan pemandangan dengan mengambil kereta kabel. Panjang keseluruhan kabel ialah 1,877 meter. Kereta kabel bergerak 200 meter ke atas dari stesen kereta kabel Danau Matahari Bulan, lalu menyeberangi rabung gunung dan tiba di stesen terakhir Kampung Budaya Penduduk Asli Formosa. Kampung Budaya Penduduk Asli Formosa merupakan taman rekreasi yang bertemakan penduduk-penduduk asli Taiwan. Ia bukan sahaja memperagakan budaya orang asli malah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan rekreasi. Pelancong juga dapat menikmati keindahan bunga sakura pada setiap musim bunga.

Di samping itu, pusat perkhidmatan pelancongan Xiangshan adalah tarikan yang menjadi tumpuan pelancong di Danau Matahari Bulan. Ia direka oleh arkitek Jepun yang terkenal, Dan Norihiko di mana pengunjung boleh melihat Danau Matahari Bulan dengan menggunakan cerun bumbung atau dari ruangan terbuka di pusat perkhidmatan pelancongan.



.... Bandar Taichung

Sekitar Stesen Keretapi Taichung (台中火車站周邊)

 Menaiki tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Taichung



Stesen Keretapi Taichung merupakan pusat pengangkutan yang paling penting di kawasan bandar Taichung. "Klinik Mata Miyahara" dan "Koperasi Kredit Keempat" yang bersebelahan dengan stesen keretapi menjadi kedai yang sangat popular dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Reka bentuk luaran dan dalaman kedai-kedai ini sangat unik dan mempunyai ciri yang tersendiri. Buah tangan Taiwan yang popular seperti kuih-muih tradisional dan kek keju serta pelbagai jenis aiskrim juga dijual di sini. Liuchuan yang terletak tidak jauh dari stesen keretapi telah dikurniakan wajah yang baru selepas pengubahsuaian dan hiasan lampu yang dinyalakan di kawasan tersebut pada waktu malam berjaya menarik ramai pengunjung.

● Klinik Mata Miyahara (宮原眼科)

📍 No. 20, Zhongshan Rd., Central Dist., Taichung City

● Koperasi Kredit Keempat (第四信用合作社)

📍 No. 72, Zhongshan Rd., Central Dist., Taichung City

Zon Pembangunan Semula Taichung yang Ketujuh (台中七期重劃區)

 Bertukar menaiki bas no. 300 di Stesen Taichung bagi "Taiwan Railways"




Kerajaan bandar Taichung terletak di kawasan ini yang juga dikenali sebagai "Zon Perbandaran". "Top City", Shin Kong Mitsukoshi di Taichung Zhonggang, "Tiger City" dan lain-lain membentuk zon membeli-belah yang meriah. Teater Nasional Taichung yang diiktiraf sebagai salah satu daripada "Sembilan Mercu Tanda Baru Dunia" juga ditempatkan di sini.

Teater Nasional Taichung direka oleh arkitek Jepun yang terkenal, Toyo Ito. Bangunan tersebut tidak menggunakan sebarang tiang dan mempunyai struktur dinding melengkung yang sangat sukar untuk dibina. Selain daripada tiga teater, ia dilengkapi dengan restoran, kedai buku, kafe, kedai rekacipta dan sebagainya. Kawasan kehijauan yang luas seperti Taman Ekologi QiuHonggu, "Fulfillment Amphitheater" dan lain-lain juga dapat dilihat di zon pembangunan semula.

Bandar Taichung

Caowudao/Calligraphy Greenway (草悟道)



"Calligraphy Greenway" yang terletak di pusat bandar Taichung merupakan suatu laluan kehijauan dengan panjang 3.6 kilometer yang dipenuhi dengan suasana dunia kesusasteraan. Tempat ini wajib dikunjungi oleh pelancong yang ingin merasai suasana budaya dan seni moden Taichung!

"Calligraphy Greenway" dibahagikan kepada tiga zon, iaitu zon pertama yang bermula dari Muzium Nasional Sains Semula Jadi di mana pelancong boleh berjalan kaki selama beberapa minit sebelum tiba di zon kedua yang mempunyai Dewan Bandar Taipei, "Taichung City Park", pusat membeli-belah "Parklane by CMP" dan Muzium Seni Blok CMP. Terdapat pelbagai kedai dan restoran yang mempunyai ciri yang tersendiri di sekitar Jalan Meicun Seksyen 1 dan Jalan Zhongxin. Pada hujung minggu, aktiviti seni dan bazaar juga diadakan di sini.

Zon ketiga menjangkau dari Muzium Nasional Seni Halus Taiwan hingga ke Laluan Taman Muzium Seni. Banyak restoran eksotik boleh didapati di sepanjang laluan yang terdiri daripada padang rumput, tempat berteduh dan hasil ukiran. Selain itu, Pekan Baru Shen Ji yang berdekatan dengan Muzium Nasional Seni Halus Taiwan adalah suatu tempat yang membolehkan golongan muda menjalankan kegiatan perekaciptaan. Di sini terdapat beraneka jenis kedai seperti porselin, produk kayu, kasut buatan tangan dan lain-lain. Oleh sebab kebanyakan kedai beroperasi pada hujung minggu, pelancong adalah disyorkan untuk melawat pada masa tersebut. Bazaar juga diadakan pada setiap hujung minggu ketiga setiap bulan.



- Pekan Baru Shen Ji (審計新村)
- 📍 Ln. 368, Minsheng Rd., West District, Taichung City

Bandar Taichung

Ladang Wuling (武陵農場)

- 📍 Wuling Road, Pingdeng Village, Heping District, Taichung City
- 🚌 Bertukar menaiki bas ke Ladang Wuling di depan Stesen Keretapi Yilan



Ladang Wuling yang terletak di Lebuhraya “Central Cross-Island” berkeluasan kira-kira 238 hektar dan terkenal dengan keindahan alam semula jadi yang ibarat syurga. Oleh sebab ia berada pada ketinggian sekitar 1,740 - 2,200 meter di atas paras laut, ia telah digelar sebagai “Tiga Ladang Tanah Tinggi yang Terbesar” bersama-sama Ladang Qingjing dan Ladang Fushoushan.

Ladang Wuling yang terletak di dalam Taman Nasional Shei-Pa wajib dikunjungi kerana ia dikelilingi gunung-ganang dan sungai yang membentuk pemandangan yang mempesonakan dengan pelbagai spesies haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Ia mempunyai gunung tinggi, sungai, tanah rata dan air terjun di mana kawasan pergunungan ditumbuhi bunga pic dan bunga plum pada musim bunga manakala musim panas menjadi musim kematangan pelbagai jenis buah-buahan yang bertumbuh di gunung tinggi. Oleh sebab ia terletak pada altitud yang lebih tinggi, daun maple berubah menjadi warna merah jauh lebih awal pada musim luruh. Ia merupakan lokasi yang strategik untuk menikmati pemandangan daun maple di Taiwan. Pada musim sejuk, salji menutupi gunung-ganang dan membentuk pemandangan gunung indah yang menjadikannya tempat yang popular untuk menyaksikan salji.

Kawasan ini mempunyai pusat ekologi ikan “Formosan landlocked salmon” yang dianggap sebagai khazanah negara. Selain daripada menyebarkan pengetahuan mengenai ekosistem, proses pemuliharaan dan pertumbuhan khazanah negara ini juga boleh dilihat. Ia adalah suatu tempat yang baik untuk seseorang menghayati keindahan kawasan pergunungan dan eko-pelancongan Taiwan.



..... Daerah Nantou
Ladang Qingjing
 (清境農場)

- 📍 No. 170, Renhe Rd., Datong Village, Ren'ai Township, Nantou County
- 🚌 Mengambil bas ekspres Kuo-Kuang dari Taipei atau Taichung ke Puli, kemudian bertukar menaiki bas Nantou ke destinasi




Qingjing berada di Pekan Ren'ai, daerah Nantou pada ketinggian 1,750 meter di atas paras laut. Antara tarikan yang terkenal adalah Ladang Qingjing, Hutan Huisun, Ladang Mei Feng milik Universiti Taiwan dan sebagainya. Ladang Qingjing adalah ladang tanah tinggi yang paling terkenal dan terletak pada altitud yang tertinggi di Taiwan. Pelbagai zon telah disediakan di dalam ladang ini termasuklah zon biri-biri, zon lembu, zon sayur-sayuran dan buah-buahan, zon bunga-bunga alpine serta zon sayur-sayuran musim sejuk. Para pelancong boleh menikmati pemandangan Qingjing yang cantik dan berlainan pada setiap musim.

Pelancong boleh melihat biri-biri yang bertaburan di atas bukit dan menonton persembahan biri-biri setiap hujung minggu di Ladang Qingjing. Di samping itu, para pelancong juga boleh bersiar-siar di "Taman Switzerland Kecil" yang ditanam dengan pelbagai jenis bunga yang didapati dari seluruh dunia dan berkembang mekar mengikut musim untuk menghasilkan pemandangan yang cantik.



Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Selatan



Bahagian selatan Taiwan terdiri daripada daerah Chiayi, bandar Tainan, bandar Kaohsiung dan daerah Pingtung. Ia merupakan kawasan pembangunan yang terawal di Taiwan dan sektor pertaniannya berkembang pesat dengan produk pertanian yang banyak. Ia memiliki iklim subtropika dengan empat musim dalam suhu yang sederhana. Ia juga mengekalkan rupa asal hutan dan kebun yang sangat luas. Bandar Kaohsiung yang terkenal sebagai bandar pelabuhan adalah kawasan metropolitan yang terbesar di bahagian selatan Taiwan.

..... Daerah Chiayi Muzium Istana Nasional Cawangan Selatan (故宮南院)

- 📍 No. 888, Gugong Blvd.,
Taibao City, Chiayi County
- 🚉 Mengambil tren HSR Taiwan
ke Stesen Chiayi, kemudian
bertukar menaiki bas
perantara ke destinasi



Muzium Istana Nasional Cawangan Selatan yang terletak di daerah Chiayi ditubuhkan sebagai “Muzium Seni dan Budaya Asia” dengan memperagakan artifak dan barangan seni Taiwan dan negara-negara Asia yang lain, maka ia adalah berbeza dengan Muzium Istana Nasional yang memperagakan barangan seni China sebagai koleksi utama. Selain itu, reka bentuk bangunan utama Muzium Istana Nasional Cawangan Selatan yang bercirikan moden kontemporari juga adalah berbeza dengan gaya seni bina istana China di Muzium Istana Nasional Taipei.

Jambatan Jingguan, Tasik Jingguan dan kawasan di sekitar taman rekreasi selain daripada bangunan muzium mempunyai keluasan sebanyak 20 hektar. Para pelancong boleh menikmati pameran yang menarik dan juga bersiar-siar di dalam taman untuk menikmati pemandangan matahari terbenam dan Jambatan Jingguan melengkung yang indah pada masa yang sama.

Oleh sebab penubuhan Muzium Istana Nasional Cawangan Selatan bermaklumat untuk mempromosikan seni dan budaya Asia, pihak muzium telah mengambil inisiatif untuk menandatangani perjanjian kerjasama dengan muzium-muzium terkenal di dunia yang membolehkan mereka memperagakan lebih banyak koleksi artifak Asia yang menarik melalui pameran. Pameran tetap muzium yang merangkumi sejarah pembangunan Chiayi, pameran budaya teh Asia, pameran tekstil Asia, seni media baru dan sebagainya telah dipersembahkan dalam pelbagai rupa dan corak.

Selepas selesai lawatan ke Muzium Istana Nasional Cawangan Selatan, pelancong boleh mengambil peluang untuk melawat ke Kilang Gula Suantou yang berdekatan. Di sini, jentera pemprosesan gula yang wujud berabad-abad lamanya telah dikekalkan dan para pelancong juga boleh menaiki kereta api “Taiwan Sugar Railways” retro untuk mengelilingi kilang gula.



Daerah Chiayi

Alishan (阿里山)


- Untuk sesiapa yang mahu pergi ke Alishan, disediakan untuk menggunakan bas perantara "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan". Kini terdapat dua laluan perjalanan bas yang telah disediakan:
1. Laluan A Alishan: Stesen HSR Chiayi → Stesen Alishan
 2. Laluan B Alishan: Stesen Chiayi bagi "Taiwan Railways" → Stesen Alishan



Alishan yang terletak di bahagian timur daerah Chiayi merupakan tempat peranginan yang terkenal di Taiwan dan hutan Cypress yang berusia beribu-ribu tahun adalah ciri utamanya. Di sini, pelancong boleh menaiki satu-satunya kereta api tanah tinggi di Taiwan yang mempunyai landasan kereta api tanah tinggi yang jarang didapati di seluruh dunia, iaitu "Alishan Forest Railway" untuk menikmati pemandangan matahari terbit atau hamparan awan yang menawan.


Panjang keseluruhan landasan keretapi ini ialah 71.4 kilometer. Stesen permulaan adalah Stesen Beimen yang berada pada ketinggian 30 meter di atas paras laut manakala stesen terakhir adalah Stesen Alishan yang berada pada ketinggian 2,216 meter di atas paras laut. Terdapat 17 stesen perhentian dan masa perjalanan keseluruhan adalah kira-kira 3 jam 20 min. Kini laluan utama hanya dari Stesen Beimen hingga ke kawasan di sekitar Fenchihu akibat pengaruh bencana angin.

Keluasan Hutan Alishan adalah kira-kira 1,400 hektar. Selain daripada musim bunga di mana pelancong boleh menyaksikan bunga sakura, musim luruh adalah musim yang terbaik untuk mereka menikmati pemandangan hamparan awan. Hotel Alishan, Stesen Keretapi Alishan dan Taman Zhaoping merupakan tempat penikmatan pemandangan yang terbaik. Terdapat banyak trek berjalan kaki di Alishan, terutamanya trek kelompok pokok gergasi yang dikelilingi oleh hutan Cypress yang berusia beribu-ribu tahun yang dapat kelihatan selepas turun dari Stesen Shenmu.



Bandar Tainan Kubu Provincia (赤崁樓)

- 📍 No. 212, Sec. 2, Minzu Rd., Zhongxi Dist., Tainan City
- 🚶 Bertukar manaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" laluan 88-Anping di Stesen Tainan bagi "Taiwan Railways"



Ia dibina pada tahun 1652 oleh orang Belanda dengan gaya seni bina Belanda. Oleh sebab ia termusnah akibat perang dan bencana alam, ia dibina semula dan diubahsuai pada tahun 1886 dan 1974. Bangunan bergaya seni bina Belanda ini telah digantikan dengan gaya seni bina tradisional China secara beransur-ansur. Dengan sejarah yang melebihi 300 tahun, ia adalah satu-satunya tapak bersejarah yang representatif di Tainan. Satu lagi ciri istimewa Kubu Provincia ialah sembilan batu bertulis di luar tembok yang bernilai sejarah dan budaya tinggi di mana bahagian bawah batu bertulis tersebut mempunyai ukiran batu yang berbentuk penyu dan penulisan yang merekodkan sejarah pemberontakan kerajaan Dinasti Qing pada tahun 1788.

Kompleks Membeli-belah Hayashi (林百貨)

- 📍 No. 63, Sec. 2, Zhongyi Rd., Zhongxi Dist., Tainan City
- 🚶 Bertukar manaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" laluan 88-Anping di Stesen Tainan bagi "Taiwan Railways"



Banyak bangunan bersejarah di bandar Tainan telah dikekalkan dengan baik dan masih terus digunakan selepas pengubahsuaian. Sebagai contohnya, Kompleks Membeli-belah Hayashi yang dibuka pada tahun 1932. Ia merupakan kompleks membeli-belah yang tertua di Taiwan. Selepas bertahun-tahun ditinggalkan, ia telah dibuka semula pada tahun 2014 selepas pengubahsuaian dan tetap mengekalkan lif retro, kabinet lama, kesan lubang peluru Perang Dunia II dan tapak kuil Shinto di tingkat atasnya. Setiap tingkatnya direka bertemakan budaya Tainan dan Taiwan serta dilengkapi dengan kedai-kedai makanan, barangan kreatif, pakaian, barang kemas dan lain-lain. Ia juga mempunyai ruangan pameran di mana pengunjung boleh menikmati kopi, pencuci mulut, masakan Jepun dan Barat.

Bandar Tainan

Anping (安平)

- 📍 Bertukar manaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" laluan 88-Anping di Stesen Tainan bagi "Taiwan Railways"



Ia terletak di bahagian barat bandar Tainan dengan tempat bersejarah yang paling terkenal di Taiwan, iaitu Kubu Anping. Bangunan yang sedia ada ini telah dibina pada zaman penjajahan Jepun dan "Tait Marketing & Distribution Co., Ltd." yang terletak berhampirannya memperagakan kehidupan awal masyarakat Taiwan melalui patung lilin. Pada awalnya, Rumah Pokok Anping yang terletak di belakang "Tait Marketing & Distribution Co., Ltd." merupakan gudang terbiar yang dililit oleh akar-akar pokok dan menjadi terkenal akibat kombinasinya dengan tumbuh-tumbuhan. Kini pelancong boleh berjalan-jalan di sepanjang laluan yang diperbuat daripada papan semasa melawat ke rumah pokok tersebut. Selepas mengunjungi pelbagai tempat bersejarah, pelancong boleh kembali ke Jalan Yanping yang bersebelahan dengan Kubu Anping di mana mereka boleh berjalan-jalan dan membeli-belah di pelbagai kedai tradisional.

- Kubu Anping (安平古堡) 📍 No. 82, Guosheng Rd., Anping Dist., Tainan City

Kubu Erkunshen (億載金城)

- 📍 No. 3, Guangzhou Rd., Anping Dist., Tainan City

- 📍 Bertukar manaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" laluan 88-Anping di Stesen Tainan bagi "Taiwan Railways"



Photo/ Tainan City Government

Ia adalah kubu bercirikan barat yang pertama di Taiwan dan juga bateri artileri pertama yang dilengkapi dengan meriam "Armstrong" yang merupakan struktur pembinaan yang paling representatif dalam sejarah bateri artileri Taiwan. Kubu Erkunshen telah siap dibina pada tahun 1876. Ia direkapi oleh jurutera Perancis sebagai bangunan bata merah bergaya seni bina Barat yang berbentuk segi empat. Bahagian tengah kubu ini merupakan tapak latihan tentera dan bahagian luaran kubu telah berkali-kali memainkan peranan penting dalam melindungi persekitaran laut daripada pencerobohan asing. Meriam yang ditempatkan di atas bateri artileri sekarang merupakan replika yang telah dihasilkan oleh kerajaan bandar Tainan dan dibuka untuk kunjungan orang ramai sempena ulang tahun keseratusnya pada tahun 1976.

Bandar Tainan Ten-Drum Rentou Creative Park (十鼓仁糖文創園區)

- 📍 No. 326, Sec. 2, Wenhua Rd., Rende Dist., Tainan City
- 🚉 Mengambil tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Baoan



Pada asalnya, ia merupakan kilang gula yang dibina pada tahun 1909. Selepas operasinya tamat, kilang ini disewa oleh pasukan gendang Tainan "Ten Drum Art Percussion Group" yang bukan sahaja mengekalkan artifak kilang gula yang bernilai tetapi juga menggabungkan persembahan gendang yang hebat untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai desa seni antarabangsa yang bertemakan gendang yang pertama di Asia. Ia meliputi keluasan kira-kira 7 hektar dan terdapat sebanyak 16 gudang lama yang telah dibina pada era Jepun. Tiga persembahan gendang boleh ditonton oleh para pengunjung setiap hari. Selain itu, kawasan ini juga dilengkapi dengan muzium gendang, tapak pembuatan gendang, restoran, tren kecil dan lain-lain. Pengunjung juga boleh menghadiri kelas gendang untuk menikmati keseronokan bermain gendang selepas menonton persembahan gendang yang menarik.

Muzium Chimei (奇美博物館)

- 📍 No. 66, Sec. 2, Wenhua Rd., Rende Dist., Tainan City
- 🚉 Mengambil tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Baoan



Ia berlokasi di dalam Taman Bandar Tainan. Muzium ini kelihatan seperti sebuah istana Eropah yang telah mengintegrasikan unsur-unsur klasik seperti Rom, Greek dan lain-lain. Plaza Air Pancut Apollo di bahagian pintu masuk merupakan replika Istana Versailles di Perancis. Koleksi muzium ini mencecah lebih 10,000 artifak dan tertumpu pada seni Barat, termasuklah lukisan, ukiran, perabot, alat muzik, senjata barat dan spesimen haiwan serta selo tertua yang masih wujud di dunia. Muzium juga dilengkapi dengan dua kafe dan kedai buah tangan.

..... Bandar Kaohsiung

Sungai Cinta (愛河)



Sungai Cinta adalah sungai utama dengan panjang 12 kilometer yang mengalir melalui bandar Kaohsiung. Ia dilengkapi dengan lorong pejalan kaki dan basikal yang komprehensif. Pada waktu malam, kombinasi lampu yang dinyalakan di sepanjang sungai dan pencahayaan dari bangunan yang berada di kedua-dua belah membentuk suasana yang romantik di kawasan tersebut. Banyak taman juga telah dibina di tepi sungai tersebut. Pesta Tanglung dan Pesta Perlumbaan Perahu Naga diadakan di sini setiap tahun.

Untuk menerokai keindahan Sungai Cinta, pelancong boleh pergi ke jeti yang berdekatan dengan Stesen Dewan Bandaraya bagi MRT Kaohsiung untuk menaiki bot persiaran yang dinamakan Bot Cinta. Terdapat dua laluan pelayaran Bot Cinta, iaitu laluan pelayaran dari Jambatan Zhongzheng ke Jeti Cinta dan kembali ke titik asal di mana pelancong boleh menikmati pemandangan bangunan-bangunan di sepanjang sungai yang menjadi lebih romantik dan menawan pada waktu malam. Laluan pelayaran yang satu lagi ialah laluan pelayaran "Pier-2" dari Sungai Cinta hingga ke "Pier-2 Art Center".

Bekas Konsulat British di Takow

(打狗英國領事館文化園區)



- 📍 No. 20, Lianhai Rd., Gushan Dist., Kaohsiung City
- 🚌 Menaiki MRT Kaohsiung dan turun di Stesen Xiziwan, kemudian bertukar menaiki bas no. 99 jingga 1A bandar Kaohsiung



Ia dibina pada tahun 1879 dan sebelum ini merupakan Konsulat British yang dibahagikan kepada pejabat konsulat di bawah bukit dan kediaman Konsul di atas bukit yang dihubungkan dengan laluan pendakian. Bangunan di kawasan ini dibina dengan gaya seni bina Baroque dan dibuka pada tahun 2013 selepas dibaikpulihkan untuk kunjungan pelawat. Kawasan dalamnya kini dijadikan Muzium Kaohsiung yang memperagakan sejarah dan artifak yang berkaitan dengan sejarah perkembangan perdagangan di Pelabuhan Kaohsiung. Oleh sebab kediaman Konsul berada di tanah tinggi, ia adalah lokasi yang strategik untuk menikmati pemandangan Pelabuhan Kaohsiung.

..... Bandar Kaohsiung

Pier-2 Art Center


(駁二藝術特區)



Ia terletak di Terminal Pelabuhan Kaohsiung Ketiga yang berkedudukan di hujung selatan Jalan Dayong, Yancheng. Selepas tahun 2000, gudang pelabuhan lama ini berkembang secara beransur-ansur menjadi tapak budaya di Kaohsiung. Di samping menjadi tempat persembahan muzik dan seni, pelbagai pesta juga sering diadakan di sini. Tempat ini telah menganjurkan pelbagai acara kebudayaan tempatan dan menjadi tumpuan kedai-kedai kreatif berikutan dengan kemasukan lebih ramai seniman dan jenama pereka. Baru-baru ini, Muzium Rel Taiwan Hamasen yang berkeluasan sekitar 100 ping telah dibuka di dalam gudang untuk memperagakan model kereta api dan landasan yang popular di kalangan pelancong.

Dream Mall

(統一夢時代)



"Dream Mall" adalah pusat membeli-belah komposit terbesar di Taiwan yang mempunyai keluasan lebih daripada 120,000 ping dan pernah dipilih sebagai salah satu daripada 10 pusat membeli-belah yang terbaik di Asia oleh "Forbes Traveler", suatu majalah kewangan Forbes Amerika Syarikat. Kemudahan hiburan yang paling representatif di "Dream Mall" adalah roda ferris "Kaohsiung Eye" yang terletak di tingkat atasnya yang mempunyai ketinggian 102.5 meter dan diameter 50 meter serta mengambil masa kira-kira 15 minit untuk membuat satu pusingan. Pelancong boleh menikmati pemandangan bandar Kaohsiung dari pelbagai sudut dan ketinggian dengan menaiki roda ferris tersebut.



.... Daerah Pingtung

Teluk Dapeng (大鵬灣)

r Menaiki bas perantara Laluan Ekspres Kenting di Stesen HSR Zuoying dan turun di perhentian bas Teluk Dapeng



Teluk Dapeng yang berada di pantai barat daya Taiwan adalah tasik semulajadi dengan jambatan lintasan laut yang paling cantik dan unik di Taiwan. Ia adalah jambatan pertama di Taiwan yang boleh dinaikkan ke suatu sudut yang tertentu untuk membenarkan laluan kapal. Pada pukul 4:30 petang setiap hujung minggu dan cuti umum, pelancong boleh menyaksikan aksi penaikan jambatan ini. Kekayaan sumber flora dan fauna menjadikan kawasan perairan di Teluk Dapeng sebagai destinasi eko-pelancongan yang terunggul. Pengunjung boleh melibatkan diri dalam aktiviti meluncur angin, berkayak dan lain-lain di sini. Perlumbaan kapal layar yang diadakan pada bulan April setiap tahun adalah satu acara yang besar-besaran. Pelabuhan Perikanan Donggang yang terletak berhampiran dengan Teluk Dapeng terkenal dengan penghasilan tuna bluefin, udang sakura dan telur mullet. Maka, jangan lupa untuk menikmati makanan laut segar semasa mengunjungi Teluk Dapeng. ◆

Muzium Nasional Biologi Marin dan Akuarium

(國立海洋生物博物館)

v No. 2, Houwan Rd., Houwan Village, Checheng Township, Pingtung County

r Menaiki bas perantara Laluan Ekspres Kenting di Stesen HSR Zuoying dan turun di perhentian bas Nanbaoli, kemudian bertukar menaiki bas perantara ke destinasi



Ia merupakan muzium besar yang bertemakan hidupan laut yang terletak di barat laut Taman Nasional Kenting. Muzium ini bukan sahaja memperkenalkan sungai-sungai dan lautan di seluruh Taiwan tetapi juga mempunyai terowong lintasan sepanjang 84 meter di mana pengunjung boleh melihat karang hidup dan hidupan marin. Selain itu, muzium ini juga mengadakan aktiviti bermalam di muzium marin di mana pengunjung dapat merasai seolah-olah tidur bersama-sama dengan kelompok ikan di laut. Pengunjung juga boleh menyaksikan anjing laut dan penguin secara dekat. Ia juga terdapat kelompok rumpai laut gergasi setinggi 10 meter yang menjadi salah satu tarikan yang istimewa.

... Daerah Pingtung ...

Taman Nasional Kenting (墾丁國家公園)

R Menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" laluan Ekspres Kenting di Stesen HSR Zuoying sehingga ke destinasi



Taman Nasional Kenting yang kaya dengan sumber kehidupan laut dan gunung yang tiada ternilai terletak di bahagian selatan Semenanjung Hengchun di selatan Taiwan. Pantai semenanjung yang terdiri daripada Pantai Selatan, Pantai Besar dan Pantai Kecil terkenal sebagai tarikan pelancong yang popular di Taiwan akibat iklim tropika yang panas sepanjang tahun. Ia sering menjadi tuan rumah bagi acara muzik dan dibanjiri oleh orang ramai terutamanya pada musim bunga dan panas. Jalan Kenting yang dibina di antara pintu gerbang Taman Nasional Kenting dan Hotel Caesar Park Kenting merupakan "Jalan Besar Kenting" yang paling sibuk.

Selain daripada pengalaman gaya resort tropika, landskap geologi tempatan juga menjadi tarikan pelancong yang tidak boleh dilepaskan. Sebagai contohnya, Gunung Dajian, batu berbentuk kucing dan batu kapal layar yang merupakan landskap terumbu karang batu kapur yang dianggap sebagai khazanah alam yang tiada ternilai. Selain itu, Jeti Bot Tasik Houbi yang sesuai untuk menjalani aktiviti "snorkeling" dan menyelam serta Teluk Baisha di mana salah satu adegan filem antarabangsa "Life of Pi" diambil oleh pengarah terkenal Ang Lee juga merupakan tarikan pelancong yang popular dalam tahun-tahun kebelakangan ini.



Selain daripada pelbagai landskap semulajadi pantai, Semenanjung Hengchun di mana terletaknya Taman Nasional Kenting masih mengekalkan banyak bangunan bersejarah dari abad ke-19 seperti Rumah Api Eluanbi yang dibina pada tahun 1883 di Tanjung Eluanbi dan memancarkan cahaya yang paling terang di Taiwan. Taman ini juga dilengkapi dengan lorong pejalan kaki yang membolehkan pelancong menikmati pemandangan langit dan laut serta landskap terumbu karang yang indah.



Tarikan Pelancong yang Disyorkan – Taiwan Timur



Bahagian timur Taiwan merujuk kepada daerah Yilan, Hualien dan Taitung yang berada di bahagian timur kawasan pergunungan tengah. Kedua-dua daerah Hualien dan Taitung dipenuhi dengan gunung-ganang dan tarikan-tarikan utama bertaburan di "East Rift Valley" dan pantai timur. "East Rift Valley" adalah suatu lembah yang panjang dan sempit di antara kawasan pergunungan tengah dan kawasan pergunungan pantai yang mengalami pelbagai perubahan bentuk muka bumi geologi. Pemandangan Lautan Pasifik yang sangat menakjubkan dapat dilihat dari dataran pantai timur yang terbentuk berikutan dengan pengelongsoran plat tektonik.

Daerah Yilan

Sungai Dongshan (冬山河)

- P** Menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan di Taiwan" laluan Sungai Dongshan di Stesen Luodong bagi "Taiwan Railways" ke destinasi



Sungai Dongshan adalah sungai utama di Yilan. Taman Sungai Dongshan dan Pusat Nasional Seni Tradisional adalah tarikan pelancong yang paling penting di sepanjang sungai dan terdapat bot perantara antara kedua-dua tempat, maka pengunjung adalah disyorkan untuk menikmati pemandangan tebing sungai dengan menaiki bot.

Oleh sebab aliran air sungai yang berterusan di Taman Sungai Dongshan sepanjang tahun, ia menjadi tapak pembangunan aktiviti pelayaran di Taiwan. Kejohanan mendayung peringkat antarabangsa diadakan di sini setiap tahun. Seluruh Taman Sungai Dongshan bertukar menjadi taman rekreasi air yang besar dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan rekreasi air apabila pesta kanak-kanak antarabangsa diadakan pada bulan Julai. Selain itu, ia dilengkapi dengan lorong khas untuk basikal di mana pengunjung boleh menunggang basikal untuk menikmati pemandangan sawah padi dan sungai yang indah.

Pusat Nasional Seni Tradisional (國立傳統藝術中心)

- P** No. 201, Sec. 2, Wubin Rd., Jixin Village, Wujie Township, Yilan County



Pusat Nasional Seni Tradisional yang bertemakan budaya tradisional Taiwan telah ditubuhkan. Ia merangkumi zon yang mempamerkan bangunan tradisional, seni kraf tradisional dan kebudayaan masyarakat. Bangunan di dalam zon pameran memperagakan kehidupan penduduk awal di Taiwan pada zaman purba dan menjadi lokasi penggambaran banyak drama dan filem. Pengunjung boleh menikmati persembahan di pentas terbuka Shui'an, menikmati pelbagai makanan tradisional Yilan di jalan snek dan mengunjungi berpuluh-puluh kedai kraftangan. Di samping itu, pengunjung juga boleh menaiki bot tradisional untuk menikmati keseronokan yang tidak terhitung.

Daerah Yilan

Jiaoxi (礁溪)


➤ Mengambil tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Jiaoxi/Menaiki bas ekspres di Stesen Perantaraan Taipei (atau Stesen Dewan Bandaraya Taipei) dan turun di Stesen Perantaraan Jiaoxi



Kolam air panas Jiaoxi adalah tarikan pelancong yang tidak boleh dilepaskan kerana ia mengandungi natrium bikarbonat dan merupakan kolam air panas tanah rata yang jarang dijumpai di Taiwan. Ia juga kaya dengan kalsium, zat besi, natrium dan mineral lain serta digelar sebagai "Kolam Spa Kecantikan".

Taman Spa Jiaoxi yang berdekatan dengan Stesen Bas dan Stesen Keretapi Jiaoxi dilengkapi dengan tempat spa kaki yang percuma dan Taman Rimba Spa Jiaoxi dengan kemudahan yang serba lengkap. Taman ini telah direka untuk menghasilkan landskap taman semulajadi yang tenang dan tenteram dengan aliran air, batu-batu dan pokok-pokok. Taman Spa Tangweigou yang terletak hanya 5 minit berjalan kaki dari stesen keretapi mempunyai aliran air panas dan ramai pelancong merendam kaki di tempat spa kaki manakala di dalam bangunan papan yang terletak di belakangnya terdapat kolam air panas awam yang bersih dan murah.

Jalan Jiaoxi di hadapan taman tersebut terdapat berpuluh-puluh resort spa, sama ada asrama murah ataupun hotel mewah. Pelancong juga boleh membeli tiket harian untuk menggunakan kolam air panas dan spa di hotel walaupun tidak menginap di hotel berkenaan. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, banyak hotel yang menekankan strategi perkhidmatan unggul telah dibuka di sini seperti Hotel Royal Chiaohsi, Hotel Resort Evergreen (Jiaosi), Wellspring by Silks dan lain-lain. Di samping itu, banyak rumah tumpangan spa yang bukan sahaja mempunyai struktur bangunan yang unik tetapi juga kemudahan bilik dan tahap perkhidmatan makanan dan minuman yang mampu menandingi hotel mewah telah dibuka di Jiaoxi.



..... Daerah Hualien

Taman Nasional Taroko (太魯閣國家公園)

 Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Taroko di Stesen Hualien bagi "Taiwan Railways"





Taman Nasional Taroko terkenal dengan landskap gaung marmar yang megah dan hampir menegak. Ia merupakan destinasi yang wajib dikunjungi oleh pelancong asing dengan landskap alam semula jadi yang meliputi tebing, ngarai, gaung, terowong gua yang berkeluk-luk, lapisan batu yang terdedah, sungai, air terjun dan sebagainya yang dapat kelihatan di sepanjang laluan pemandangan gaung.

Air terjun adalah tarikan yang penting di dalam taman tersebut dan antaranya yang paling terkenal ialah Air Terjun Baiyang, Air Terjun Changchun, Air Terjun Luishui dan lain-lain. Yanzikou dan Jiuqudong adalah landskap alam semula jadi yang paling menakjubkan dan bahagian yang paling sempit di Gaung

Taroko. Kawasan ini dilengkapi dengan lorong pejalan kaki yang membolehkan pengunjung berjalan-jalan sambil menikmati pemandangan persekitaran. Banyak gua kecil dapat dikesan pada gaung marmar yang terletak bertentangan dengan Yanzikou di mana burung layang-layang terbang tinggi atau membuat sarang di dalam gua pada musim bunga dan panas. Jiuqudong pula terdiri daripada terowong gua yang berkeluk-luk di mana pengunjung boleh menikmati pemandangan gaung di sepanjang jalan.

Pintu Gerbang Taroko adalah pintu gerbang kecil yang bercirikan seni bina China dan sangat popular sebagai tempat mengambil gambar. Tokong Changchun telah dibina untuk memperingati orang yang meninggal dunia semasa pembinaan jalan raya. Ia tersergam diam di tengah lembah kehijauan dengan air terjun yang mengalir secara menegak dari atas ke bawah dan membentuk pemandangan yang indah seperti suatu lukisan pemandangan alam.



Daerah Hualien dan Taitung

East Rift Valley (花東縱谷)

Tasik Liyu (鯉魚潭)

📍 Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Zonggu-Hualien di Stesen Hualien bagi "Taiwan Railways" ke destinasi



Jarak antara Tasik Liyu dan bandar Hualien mengambil masa kira-kira 30 minit untuk memandu. Ia merupakan tasik pedalaman terbesar yang terletak di bahagian timur Taiwan dan meliputi tanah seluas 100 hektar. Di sebelah selatan tasik adalah Hutan Rekreasi Chinan dan tempat perkhemahan manakala Gunung Liyu di sebelah timur tasik adalah tempat untuk sukan paragliding. Lebuhraya yang mengelilingi Tasik Liyu merupakan laluan khas dengan panjang keseluruhan 5 kilometer yang dibina untuk berbasikal. Basikal boleh disewa oleh pengunjung untuk menikmati pemandangan tasik di sepanjang jalan. Mereka juga boleh menaiki bot angsa untuk menikmati keindahan di sekitar tasik. Di persekitaran Tasik Liyu terdapat banyak kedai dan restoran di mana pengunjung boleh menikmati masa minum petang atau memakan makanan laut segar di tepi tasik.

Pusat Perhutanan Lintian (林田山林業文化園區)

📍 Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Zonggu-Hualien di Stesen Hualien bagi "Taiwan Railways" ke destinasi



Lintian sebelum ini adalah pusat perhutanan yang keempat terbesar di Taiwan. Ia telah menjadi pusat perhutanan yang paling penting sejak zaman penjajahan Jepun. Pada waktu itu, selain daripada perkhidmatan kereta api khas untuk mengangkut kayu telah dibina, asrama untuk kakitangan pusat perhutanan, klinik, kedai, dobi, salon, balai bomba, sekolah juga telah dibina. Ia mempunyai sekitar 400 – 500 perumahan pada zaman kegemilangannya. Selepas melaksanakan pengharaman pembalakan di hutan semulajadi pada tahun 1991, Lintianshan mengekalkan pelbagai sumber budaya seperti perumahan yang diperbuat daripada kayu Cypress dan landasan kereta api untuk pembukaan semula sebagai pusat perhutanan.

Chishang (池上)

- 📍 Mengambil tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Chishang



Chishang di Taiwan digelar sebagai "Kampung Padi" dan terkenal dengan pemandangan sawah yang luas. Lautan kuning keemasan padi sebelum musim menuai dan lautan warna-warni tanaman bunga cosmos dan bunga canola dapat kelihatan selepas padi dituaikan pada musim sejuk. Menunggang basikal adalah cara yang terbaik untuk mengembara di sekitar Chishang. Pengunjung boleh memulakan perjalanan berhampiran dengan stesen keretapi dan melalui tasik semulajadi Dapo di sepanjang jalan, kemudian pergi ke menara peninjauan untuk menikmati pemandangan sawah yang terbentang luas dan Zonggu yang menyenangkan hati. Selain itu, jangan melepaskan peluang untuk melawati "Mr. Brown Avenue" yang terkenal berikutan dengan penggambaran iklan dan sawah di sepanjang jalan yang tidak mempunyai tiang elektrik atau bangunan yang menghalang pandangan.



Luye (鹿野)

- 📍 Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Zonggu-Luye di Stesen Taitung bagi "Taiwan Railways" ke destinasi



Photo/ Taitung County Government

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Luye dibangunkan menjadi tempat menaiki belon udara panas dan sukan paragliding di Taiwan. Aktiviti paragliding dan ski rumput boleh dijalankan di platform Luye yang berada di tanah tinggi. Pada musim panas setiap tahun, Fiesta Belon Udara Panas yang berlangsung selama dua bulan diadakan di sini. Selain daripada menaiki belon udara panas yang terikat, pengunjung juga boleh menjalani penerbangan di atas langit "East Rift Valley" di bawah bimbingan juruterbang yang profesional untuk melihat gunung yang menjulang tinggi, kawasan pergunungan pantai dan tanah rata Zonggu. Persembahan menarik yang menggabungkan unsur muzik dan belon udara panas juga diadakan pada waktu malam.

Daerah Hualien dan Taitung

Pantai Timur (東海岸)

Pantai Chihsingtan (七星潭)

- 📍 Menaiki bus ekspres Hualien no. 105 dari Stesen Keretapi Hualien ke stesen terakhir



Ini merupakan teluk melengkung Pekan Xincheng yang terletak di daerah Hualien dengan panjang pantai mencapai 20 kilometer dan lebar pantai kira-kira 100 meter. Sebahagian besar pantai di sini terbentuk daripada batu kelikir. Kemudahan-kemudahan seperti lorong pejalan kaki, tempat berteduh dan lain-lain telah dibina. Pengunjung juga boleh menikmati pemandangan Ngarai Qingshui dari sini.

Farglory Ocean Park (海洋公園)



- 📍 No. 189, Fude, Yanliao Village, Shoufeng Township, Hualien County
- 📍 Menaiki bus ekspres Hualien no. 1127, 140 atau 1145 dari Stesen Hualien bagi "Taiwan Railways" ke destinasi

Ini terletak di Pekan Shoufeng di daerah Hualien dan meliputi keluasan kira-kira 50 hektar. Di dalam taman terdapat kemudahan taman rekreasi, pertunjukan singa laut dan ikan lumba-lumba serta kereta kabel yang dinaiki oleh pengunjung untuk menikmati pemandangan Lautan Pasifik yang indah.

Pusat Budaya Kaum Amis (阿美民俗中心)



- 📍 No. 25, Xincun Rd., Xinyi Borough, Chenggong Township, Taitung County
- 📍 Bertukar menaiki bus perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Pantai Timur di Stesen Taitung bagi "Taiwan Railways" ke destinasi

Hualien dan Taitung merupakan daerah-daerah yang didiami oleh paling ramai orang asli di Taiwan dan antaranya populasi orang Amis adalah yang terbesar. Pesta Menuai yang diadakan pada bulan Julai dan Ogos setiap tahun merupakan perayaan yang disambut secara besar-besaran oleh kaum Amis. Untuk mengetahui secara lebih mendalam tentang gaya hidup kaum Amis di kawasan timur Taiwan, selain daripada melawat ke perkampungan orang asli, pengunjung juga boleh melawat ke Pusat Kebudayaan Kaum Amis di Bandar Taitung. Di dalam pusat ini terdapat bangunan tradisional kaum Amis, persembahan terbuka dan pertunjukan seni anyaman kaum Amis di mana pengunjung boleh merasai kemesraan, kraftangan hebat dan suara nyanyian merdu daripada kaum Amis.

Daerah Taitung

Sanxiantai
(三仙台)

- r** Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Pantai Timur di Stesen Taitung bagi "Taiwan Railways" ke destinasi



Pemandangan istimewa yang dibentukkan oleh pulau-pulau dan terumbu karang juga merupakan salah satu tarikan pelancong yang terkenal di pantai timur. Sebuah jambatan pejalan kaki dengan panjang 320 meter yang merentas laut dapat kelihatan terlebih dahulu dalam perjalanan ke Sanxiantai. Pengunjung boleh berjalan kaki melalui jambatan yang menyambungkan pulau-pulau yang kecil. Jambatan yang berbentuk gelombang ini sangat unik. Pulau-pulau tersebut dipenuhi dengan pelbagai jenis landskap yang terbentuk akibat hakisan dan tumbuhan pantai. Pelancong boleh mengikuti laluan pejalan kaki yang terancang untuk melihat ekologi dan geologi di sepanjang jalan. Kawasan perairan yang berhampiran kaya dengan ikan laut dan juga terkenal sebagai tempat memancing. Oleh sebab pantai timur Taiwan adalah lokasi untuk melihat matahari terbit yang pertama pada waktu subuh tahun baru, aktiviti menyambut subuh tahun baru diadakan di sini setiap tahun dan terus menarik ramai pelancong ke sini khasnya untuk menyambut kedatangan tahun baru. —◇

Chihpen (知本)

- r** Menaiki tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Chihpen/Menaiki tren "Taiwan Railways" sampai ke Stesen Taitung lalu bertukar menaiki bas ekspres ke destinasi



Chihpen adalah desa kolam air panas yang paling terkenal di timur Taiwan. Kolam air panas di sini mengandungi natrium bikarbonat yang bersifat alkali lemah. Ia adalah jernih dan tidak berwarna serta kaya dengan mineral. Kulit seseorang menjadi amat lembut dan licin selepas berendam dalam kolam air panas. Chihpen telah disenaraikan bersama-sama Beitou di utara Taiwan sebagai tempat kolam air panas yang popular di Taiwan. Chihpen mempunyai banyak hotel spa di mana pelancong boleh menikmati rendaman secara berkumpulan. Selain itu, kemudahan kolam rendam peribadi juga disediakan. Di samping menikmati keseronokan rendaman dalam kolam air panas, pelancong boleh pergi ke kawasan rekreasi di Hutan Chihpen yang sangat sesuai untuk menjalani aktiviti berjalan-jalan, memerhati burung dan rama-rama. Pelancong berpeluang untuk menyerap "phytoncide" dan merasai suasana ketenangan di hutan pergunungan apabila berjalan-jalan di sepanjang denai hutan.

..... Daerah Taitung

Kawasan Rekreasi Jinzun (金樽遊憩區)



P Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Pantai Timur di Stesen Taitung bagi "Taiwan Railways" ke destinasi

Jinzun dan Donghe merupakan tempat yang tidak boleh dilepaskan oleh pelancong yang mengunjungi pantai Taitung. Jinzun yang dinamakan sedemikian akibat teluknya yang berbentuk seperti gelas wain bukan sahaja mempunyai landskap kepulauan dan bentangan pantai sepanjang 3 kilometer tetapi juga dikenali sebagai tempat memancing yang disukai ramai. Pengaruh Angin Monsun Timur Laut yang mengakibatkan pemendapan pasir dalam kuantiti yang banyak di Jinzun menyebabkan tempat ini sesuai untuk membangunkan aktiviti meluncur ombak dan diiktiraf oleh "Asian Surfing Championship" (ASC) sebagai lokasi yang strategik untuk mengadakan pertandingan meluncur ombak. Pertandingan Peluncuran Ombak Antarabangsa Taiwan yang diadakan pada bulan November setiap tahun berjaya menarik ramai peluncur ombak dari luar negara untuk datang bertanding.

Taimali (太麻里)

P Menaiki tren "Taiwan Railways" dan turun di Stesen Taimali, kemudian dicadangkan untuk mengambil teksi atau kereta sewa ke lokasi tarikan. Orang ramai boleh menggunakan perkhidmatan bas perantara khas yang disediakan pada musim bunga daylily



Taimali yang digelar sebagai "tempat di mana matahari terbit" dalam bahasa penduduk asli tempatan dikurniakan dengan pemandangan matahari terbit yang paling indah di pantai timur. Oleh sebab pantainya yang sangat panjang, ia menjadi lokasi yang strategik untuk menyambut fajar dan pesta menyambut tahun baru diadakan di sini setiap tahun. Penikmatan bunga daylily merupakan aktiviti pelancongan yang penting di Taimali. Gunung Jean-Zen merupakan tempat penghasilan bunga daylily di daerah Taitung sama seperti Gunung Liushidan dan Gunung Chike. Lautan bunga daylily yang terbentuk dari bulan Julai hingga Oktober setiap tahun mewarnai seluruh gunung yang diselubungi kabus dan menarik ramai pelancong. Selain daripada menikmati pemandangan bunga, pelancong adalah disyorkan untuk melawat ke ladang-ladang yang berdekatan dan menikmati hidangan yang dimasak bersama bunga daylily.

..... Daerah Taitung

Pekan Tiehua (鐵花村)

- 📍 No. 26, Ln. 135, Xincheng Rd., Taitung City, Taitung County
- 🚌 Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Pantai Timur di Stesen Taitung bagi "Taiwan Railways", kemudian turun di stesen perantara Taitung



Pada awalnya, Pekan Tiehua yang terletak di sebelah "Art Site of Chiayi Railway Warehouse" merupakan asrama lama "Taiwan Railways" tetapi ia telah diubahsuai menjadi pentas bagi pemuzik dan penyanyi tempatan untuk membuat persembahan selepas perpindahan stesen keretapi lama tersebut. Ia telah beroperasi sejak tahun 2010 hingga sekarang dan kini berkembang menjadi tempat persembahan muzik yang paling penting di Taitung. Persembahan kecil diadakan di dalam bilik biru dan kawasan kehijauan setiap hari Rabu hingga Ahad. Ia bukan sahaja menjadi tempat yang baik untuk menikmati persembahan muzik dan minuman pada waktu malam tetapi juga membeli barang kraftangan tempatan yang istimewa dalam bazaar yang diadakan pada hujung minggu.



Taman Haibin Taitung (台東海濱公園)

- 🚌 Bertukar menaiki bas perantara "Senang Je Jalan-jalan Di Taiwan" laluan Pantai Timur di Stesen Taitung bagi "Taiwan Railways", kemudian turun di Stesen Taman Rimba



Taman Haibin Taitung di mana pemandangan Lautan Pasifik boleh dinikmati pada jarak yang dekat merupakan tempat rekreasi yang paling disukai ramai di kawasan bandar Taitung. Taman ini telah dilengkapi dengan lorong pejalan kaki, menara peninjauan dan juga hiasan seni awam yang bergabung dengan alam semula jadi. Dengan sudut pandang yang luas, ia menjadi lokasi yang strategik untuk menikmati pemandangan matahari terbit. Taman Rimba yang bersebelahan dengan Taman Haibin ditumbuhi hutan ru yang padat dan digelar sebagai "Hutan Rimba Hitam". Ia merupakan tempat yang sesuai untuk menunggu basikal dan terdapat tiga tasik dengan permukaan tenang yang memantulkan pemandangan hutan yang cukup menawan untuk menangkap gambar.

..... Cadangan Jadual Perjalanan

Pelancongan Mengelilingi Pulau – Lapan Hari Tujuh Malam

DAY1



Ketibaan/Taipei: Jelajah ke bandar

DAY2



Taipei: Dewan Memorial Chiang Kai-Shek → Hualien

DAY3



Hualien: Taroko → Taitung

DAY4



Taitung → Kaohsiung: Jelajah ke bandar dan pelayaran di Sungai Cinta

DAY8

Jelajah ke bandar Taipei/Kembali ke negara asal

DAY7



Taichung → Taipei: Muzium Istana Nasional, Taipei 101 dan pasar malam

DAY6



Chiayi → Nantou: Danau Matahari Bulan → Taipei: Jelajah ke bandar

DAY5



Kaohsiung → Chiayi: Alishan

..... Cadangan Jadual Perjalanan

Pantai Barat Taiwan – Lima Hari Empat Malam

DAY1



Ketibaan/Jelajah ke bandar
Taipei

DAY2



Jelajah ke bandar Taipei

DAY3



Taipei → Tainan: Jelajah ke bandar → Kaohsiung

DAY4



Kaohsiung: Jelajah ke bandar dan pelayaran di Sungai
Cinta

DAY5

Kaohsiung → Taipei/
Kembali ke negara
asal

..... Cadangan Jadual Perjalanan

Taiwan Utara – Empat Hari Tiga Malam

DAY1



Ketibaan/Jelajah ke bandar
Taipei

DAY2



Taipei → Taipei Baru: Yehliu dan Jiufen

DAY3



Yangmingshan atau Beitou → Muzium Istana
Nasional Taipei → Yuanshan

DAY4

Jelajah ke bandar
Taipei/Kembali ke
negara asal



..... Cadangan Jadual Perjalanan

Taiwan Timur – Lima Hari Empat Malam



Cenderahati/ Buah Tangan yang Disyorkan

● Biskut Nanas

Pastri telah menjadi buah tangan yang wajib dibeli semasa melancong di Taiwan, terutamanya biskut nanas yang merupakan pilihan yang paling popular. Ia bukan sahaja mudah dibeli tetapi juga mempunyai pembungkusan yang cantik-cantik belaka dan sesuai untuk diberikan sebagai hadiah.



● Nougat

Ia dianggap sebagai sejenis buah tangan yang paling disukai ramai selepas biskut nanas. Haruman susu dan aroma kekacang yang kuat merupakan sebab utama ia digemari.



● Buah-buahan kering dan manisan buah

Taiwan kaya dengan pelbagai jenis buah-buahan. Intipati dan khasiat boleh dikekalkan dalam buah-buahan kering atau manisan buah melalui teknologi pemprosesan yang canggih. Perisa masam manisnya sungguh digemari ramai.



● Teh Taiwan

Kualiti teh Taiwan adalah amat terkenal di dunia. Ia bukan sahaja wujud dalam pelbagai variasi tetapi juga mempunyai aroma dan rasa yang tersendiri.



📍 Di mana ia boleh dibeli?

Biskut nanas, buah-buahan kering, nougat dan teh Taiwan adalah buah tangan yang senang didapati. Kedai-kedai khas yang menjual produk-produk ini boleh didapati di hampir semua pusat membeli-belah. Jika anda ingin membeli semua produk sekali gus, anda dicadangkan untuk mengunjungi kompleks membeli-belah, pasaraya besar atau kedai borong.

● Teh Susu (“Chun Cui He”)

Walaupun teh susu bukan hanya didapati di Taiwan tetapi teh susu dalam botol yang dikenali sebagai “Chun Cui He” ini berjaya dipasarkan ke luar negara dan menjadi kebanggaan Taiwan yang tidak disangka-sangka disebabkan oleh pembungkusannya yang menarik seperti produk penjagaan kecantikan.



📍 Di mana ia boleh dibeli?

Teh susu “Chun Cui He” boleh didapati di semua kedai serbaneka. Jika anda ingin mengumpul botol-botol teh susu “Chun Cui He” yang berwarna-warni, anda dicadangkan untuk mendapatkannya di pasaraya besar atau kedai borong.

● Topeng Kecantikan

Pengeluaran tahunan topeng kecantikan di Taiwan mencecah ratusan juta keping. Oleh sebab topeng kecantikan yang dihasilkan berkualiti tinggi dan berharga rendah serta sesuai untuk kulit orang Asia, ia bukan sahaja digemari oleh penduduk tempatan tetapi juga dibeli oleh para pelancong asing.



📍 Di mana ia boleh dibeli?

Topeng kecantikan jenis kaunter terbuka agak mudah didapati di sekitar Taiwan. Barisan produk yang lengkap boleh didapati bukan sahaja di kedai borong tetapi juga di kedai farmasi seperti Cosmed dan Watson yang sering dijumpai di kawasan metropolitan.

● Porselin

Produk porselin Taiwan bukan sahaja merangkumi jenama premium seperti Franz tetapi juga banyak pilihan lain dengan harga yang berpatutan. Kebelakangan ini, banyak studio porselin mula menawarkan bengkel yang membolehkan seseorang membuat cenderahati porselin yang unik.



● Kraftangan Kaca Kristal Liuli

Seni kraf kaca kristal Liuli adalah suatu seni kraf Taiwan yang terkenal di peringkat antarabangsa. LIULI dan Tittot adalah antara jenama yang popular. Terdapat muzium dan kilang kraf kaca di sekitar Taiwan seperti Tamsui, Hsinchu, Changhua dan lain-lain di mana pelancong-pelancong boleh membuat kraftangan di bengkel buat sendiri (DIY).



📍 Di mana ia boleh dibeli?

Sama ada kraftangan porselin ataupun kaca boleh didapati di kaunter jenama di semua pusat membeli-belah. Jenama kraftangan yang terkenal pula boleh didapati di kedai-kedai khasnya.

Maklumat Visa Taiwan

(1) Tidak Memerlukan Visa

Kini Taiwan telah meluluskan pelancong-pelancong dari lebih daripada 40 negara, termasuklah negara-negara Asia Tenggara seperti Brunei, Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina untuk bersinggah di Taiwan selama 30 hari tanpa visa. Para pelancong mesti memenuhi syarat-syarat berikut:

- (1) Tempoh sah laku pasport biasa yang dipegang perlu sekurang-kurangnya 6 bulan ke atas.
- (2) Memiliki tiket pulang (kapal atau penerbangan) atau tiket ke destinasi seterusnya (kapal atau penerbangan) dan visa yang sah.
- (3) Diperiksa dan didapati tiada rekod pelanggaran undang-undang oleh kastam di lapangan terbang atau pelabuhan.

Para pemegang pasport kecemasan atau sementara boleh memohon visa negara ini semasa mendarat di lapangan terbang antarabangsa dengan tempoh persinggahan selama 30 hari seperti yang dinyatakan di atas.

Negara-negara yang tidak memerlukan visa ►




(2) Pendaftaran melalui Internet

Pemegang-pemegang visa negara Amerika Syarikat, Kanada, UK, Jepun, Australia, New Zealand, Korea, zon Schengen EU dan lain-lain yang memiliki permit kediaman sah atau kediaman tetap, visa yang sah (termasuklah visa elektronik), permit kediaman atau visa dengan tempoh sah laku dalam 10 tahun atau rakyat India, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Kemboja dan Laos yang memegang visa yang dikeluarkan oleh Taiwan (R.O.C) dalam tempoh 10 tahun yang lepas (tidak termasuklah visa pekerja) dan tidak mempunyai rekod pelanggaran undang-undang boleh memasuki Taiwan tanpa visa dan bersinggah selama 30 hari. Sila memohon melalui laman web eksklusif.

https://niaspeedy.immigration.gov.tw/nia_southeast/

• Carta Aliran Permohonan



(3) Visa Elektronik

Kini pelancong-pelancong lebih daripada 30 buah negara, termasuklah negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Turki dan lain-lain boleh memohon visa elektronik. Di samping itu, peniaga-peniaga India, Sri Lanka, Bangladesh, Nepal, Bhutan dan Pakistan serta individu yang disyorkan oleh agensi tempatan bagi TAITRA juga boleh memohonnya. Tempoh sah laku visa elektronik adalah selama tiga bulan dan kebenaran persinggahan selama 30 hari di Taiwan. Pemohon dikehendaki memiliki pasport biasa dengan tempoh sah laku lebih daripada 6 bulan.

• Proses Permohonan

Mengisi borang permohonan visa melalui internet → menghantar permohonan → membuat bayaran melalui kad kredit → menunggu notis kelulusan → menerima e-mel pemberitahuan → mencetak visa elektronik dan memegangnya untuk masuk ke Taiwan



(4) Langkah Permohonan Visa Berkumpulan yang cepat dan efisien untuk Negara-negara Asia Tenggara

Kesemua warganegara dari tujuh negara, iaitu Indonesia, Vietnam, India, Myanmar, Kemboja dan Laos yang menyertai pelancongan berkumpulan yang dianjurkan oleh agensi pelancongan yang tertentu atau lawatan insentif syarikat tidak perlu mengepilkkan bukti kerja atau status kewangan semasa membuat permohonan visa kumpulan pelancongan ke Taiwan. Untuk maklumat lanjut, sila merujuk kepada pengumuman di laman web.

• Kaunter Pertanyaan

1. Pelancong-pelancong Indonesia, Vietnam, Myanmar, Kemboja dan Laos diminta untuk menghubungi pejabat Biro Pelancongan Taiwan di Kuala Lumpur.

☎ Tel: 60-3-2070-6789

☎ Fax: 60-3-2072-3559

✉ tbrockl@taiwan.net.my

📍 Suite 25-01, Level 25, Wisma Goldhill, 67 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia

2. Pelancong India diminta untuk menghubungi pejabat Biro Pelancongan Taiwan di Singapura.

☎ Tel: 65-6223-6546/7

☎ Fax: 65-6225-4616

✉ tbrocsin@singnet.com.sg

📍 30 Raffles Place, Chevron House, #10-01, Singapore

(5) General Visa/ Visa Umum

Sila lengkapkan maklumat yang dikehendaki secara elektronik melalui internet dan tekan "submit" (hantar), kemudian cetakkan borang untuk dihantar ke tempat permohonan yang tertentu dalam 30 hari.



• Lebih banyak Informasi Pelancongan

English ▶



FB of Taiwan Tourism
Bureau, Kuala Lumpur
Office ▶



Rebat Cukai Selepas Membeli-belah untuk Pelancong Asing

- Boleh mendapat rebat cukai dengan perbelanjaan secukupnya NT\$2,000! Prosedur yang senang dan mudah

- Syarat-syarat untuk permohonan rebat cukai selepas membeli-belah

1. Merupakan pemegang pasport bukan warganegara Taiwan (R.O.C), pasport Taiwan (R.O.C) tanpa kewarganegaraan atau permit keluar masuk Taiwan.
2. Melakukan kegiatan pembelian di kedai khusus yang telah diluluskan untuk memaparkan logo Rebate Cukai Selepas Membeli-belah (TRS) di Taiwan. Pembelian barangan di kedai yang sama dalam sehari sebanyak NT\$2,000 ke atas yang dibawa keluar dari Taiwan dalam tempoh 90 hari boleh dikenakan rebat cukai.

- Tempat untuk Permohonan Rebate Cukai Jualan

Pelancong asing boleh memilih salah satu daripada tiga cara berikut untuk memohon rebat cukai jualan:



1. Menggunakan "Kaunter Perkhidmatan Rebate Cukai Jualan Pelancong Asing" atau "Kiosk E-vat" yang disediakan di lapangan terbang atau kastam pelabuhan.
2. Boleh terus berurusan dengan tempat membeli-belah tertentu yang memberi rebat cukai jualan secara serta-merta dengan jumlah perbelanjaan harian (termasuk cukai) yang tidak melebihi NT\$24,000.
3. Mengunjungi kedai-kedai yang dilengkapi dengan kaunter perkhidmatan rebat cukai jualan khas di dalam bandar.

 www.taxrefund.net.tw



Pusat Informasi Pelancong

Dalam usaha untuk menawarkan perkhidmatan pelancongan "Mesra, Mudah dan Rapat", pusat perkhidmatan pelancongan telah ditubuhkan di semua lapangan terbang utama, stesen tren, stesen keretapi, kawasan pemandangan indah nasional dan tempat-tempat pelancongan di seluruh daerah dan bandar Taiwan untuk memberikan info pelancongan dalam bahasa Cina, Inggeris dan Jepun.

- Pusat Informasi Pelancong, Taiwan Taoyuan International Airport

 +886-3-398-2194 (Terminal 1) +886-3-398-3341 (Terminal 2)

 Terminal 1: 7am-11:30pm Terminal 2: 5:30am-12 midnight

- Pusat Informasi Pelancong, Taiwan Kaohsiung International Airport

 0800-252-550

- Talian Bebas Tol Info Pelancongan 24 Jam

Memberi khidmat nasihat perjalanan dan pelancongan dalam bahasa Cina, Inggeris, Jepun dan Korea secara serta-merta melalui talian bebas tol info pelancongan 0800- 011-765 yang beroperasi 24 jam, 365 hari.

Travel hotline:
0800-011-765



Perbualan praktikal

您好 (Ni Hao)

Apa khabar?

謝謝 (Xie Xie)

Terima Kasih

不客氣 (Bu Ke Qi)

Sama-sama

多少錢 (Duo Shao Qian)

Berapa harganya?

再見 (Zai Jian)

Selamat tinggal

○○○在那裡 ? (○○○ Zai Na Li ?)

Di manakah ○○○ ?

請帶我去○○○ (Qing Dai Wo Qu ○○○)

Sila bawa saya ke ○○○

我不吃豬肉 (Wo Bu Chi Zhurou)

Saya tidak makan daging khinzir

Diterbitkan oleh Biro Pelancongan Taiwan

Alamat: 9F, No. 290, Zhongxiao E. Rd., Taipei City 10694

Tel: +886-2-2349-1500

E-mel: tbroc@tbroc.gov.tw

Laman web: <http://taiwan.net.tw>

Tarikh: June, 2017



Taiwan
THE HEART OF ASIA

